

BAB 5

ANALISIS DATA

5.1. Profil Responden

Perbincangan pada bab ini adalah berasaskan pengumpulan maklumat dan data melalui borang soal selidik yang telah dijalankan terhadap responden. Sampel kajian terdiri daripada 230 orang responden adalah merupakan asnaf fakir miskin yang menerima bantuan zakat daripada pihak MAINS. Mereka ditemubual untuk mendapatkan maklumat adakah melalui agihan zakat yang diterima dapat membasmi masalah kemiskinan di Negeri Sembilan. Terlebih dahulu, pengkaji telah mendapatkan senarai nama dan alamat mereka melalui rekod penerima agihan zakat daripada Unit Agihan Zakat, Baitul Mal Negeri Sembilan. Berdasarkan maklumat tersebut maka pengkaji mencari responden di tempat tinggal mereka bagi mengumpul data dan fakta dengan tepat. Selain itu kaedah pemerhatian dilakukan untuk melihat keadaan persekitaran dan suasana tempat tinggal responden bagi menjelaskan hidup sebenar asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

Setelah mengumpul semua maklumat dan data yang diperlukan daripada asnaf fakir miskin, kajian dianalisis dengan menggunakan program *SPSS(Statistical Package for Social Science)* versi 17.0. Melalui program tersebut maka data responden dianalisis untuk mendapatkan bilangan dan jumlah dalam bentuk peratusan. Analisis juga dilakukan menggunakan *crosstabulation* untuk melihat perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan pendapatan. Seterusnya huraian ini akan

dibentangkan dalam bentuk jadual dengan memilih item-item yang dapat menjelaskan keadaan, fakta dan ciri-ciri asnaf.

Maklumat responden yang telah diambil melalui borang soal selidik ialah seperti berikut: (A) Demografi, (B) Pendapatan KIR dan AIR, (C) Bantuan kepada responden, (D) Perbelanjaan Isi rumah, (E) Bantuan yang diterima daripada MAINS, (F) Jangka masa responden menerima zakat dan (G) Pandangan responden terhadap keberkesanan agihan zakat

Jadual 5.1: Daerah dan Jantina

Daerah	Jantina				Jumlah	%
	Lelaki		Perempuan			
	Bil.	%	Bil.	%		
Jelevu	12	5.2	41	17.8	53	23
Seremban	18	7.8	74	32.2	92	40
Rembau	16	7	69	30	85	37
Jumlah	46	20	184	80	230	100

Sumber : Borang soal selidik

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa bilangan penerima zakat paling ramai di daerah Seremban iaitu 40% berbanding daerah Rembau (37%) dan Jelevu (23%). Manakala bagi kategori jantina pula Seremban mencatatkan bilangan lebih ramai penerima zakat lelaki iaitu 7.8% berbanding Rembau (7%) dan Jelevu (5.2%). Bagi kategori perempuan juga daerah Seremban menunjukkan bilangan paling ramai (32.2%) diikuti Rembau (30%) dan Jelevu (17.8%). Suatu yang ketara dalam penemuan ini menunjukkan bahawa asnaf fakir miskin di daerah Seremban merupakan golongan paling ramai yang menerima agihan zakat. Dapatan kajian ini turut mempunyai persamaan data bahawa Seremban antara kawasan paling tinggi jumlah

kemiskinan dengan diikuti daerah Rembau dan Jelebu.¹ Manakala kaum wanita pula mencatatkan peratus golongan terbesar penerima agihan zakat bagi asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan. Hasil penemuan tersebut juga selari dengan data kemiskinan di Negeri Sembilan yang menunjukkan bilangan perempuan yang miskin lebih ramai daripada lelaki.²

Jadual 5.2: Jenis Sampel Dan Status

Jenis Sampel	Status									
	Bujang		Berkahwin		Ibu Tunggal		Duda		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
KIR	27	11.7	24	10.4	95	41.3	7	3.0	153	66.5
AIR	13	5.7	20	8.7	42	18.3	2	0.9	77	33.5
Jumlah	40	17.4	44	19.1	137	59.6	9	3.9	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Kajian ini mendapati bahawa penerima agihan zakat adalah terdiri daripada KIR seramai 66.5% berbanding dengan AIR (33.5%). KIR merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan segala keperluan dan perbelanjaan ahli isi rumah. Suatu yang ketara dapatan kajian ini ialah penerima agihan zakat sebahagian besar adalah terdiri daripada golongan ibu tunggal. Majoriti KIR yang berstatus ibu tunggal lebih ramai iaitu 41.3% berbanding mereka yang bujang 11.7%, sudah berkahwin 10.4% dan duda 3%.

¹ Unit Perancang Ekonomi Negeri (2009), *op.cit.*, h.23.

² Statistik kemiskinan, Pejabat Pembangunan Negeri Sembilan, <http://www.nsb.icu.gov.my/statistik-kemiskinan-keseluruhan>. 2 Disember 2009.

Dapatan kajian ini menyokong fakta Laporan Banci Penduduk 1991 yang menyatakan bahawa wanita menjadi KIR di kalangan 653.5 ribu wanita yang menjadi KIR 38% ialah balu dan 7% ialah bercerai. Ibu tunggal dalam kajian ini meliputi kerana perceraian hidup atau kerana kematian suami. Menurut Hassan Haji Ali (2003) bahawa fakta penting kebanyakan negara sebilangan besar golongan miskin di mana KIRnya adalah daripada kaum wanita.³ Kajian ini turut selari dengan hasil kajian Md. Taib Haji Dora (1997) menyatakan bahawa keluarga Melayu termiskin terdiri daripada ibu tunggal, ketua keluarga atau isi rumah muda selain dari golongan tua, uzur dan cacat.⁴ Kajian ini juga mendapati isteri yang menjadi KIR akibat suami yang mengalami penyakit dan tidak mampu untuk bekerja. Implikasinya isteri menjadi KIR bagi mengambilalih tanggungjawab mencari pendapatan.

Jadual 5.3: Status dan Pekerjaan

Pekerjaan	Status								Jumlah	
	Bujang		Berkahwin		Ibu Tunggal		Duda			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tidak Bekerja	32	13.9	28	12.2	106	46.1	7	3.0	173	75.2
Peniaga	1	0.4	5	2.2	8	3.5	0	0.0	14	6.1
Kerja Kilang	1	0.4	0	0.0	1	0.4	1	0.4	3	1.3
Penoreh Getah	1	0.4	0	0.0	2	0.9	0	0.0	3	1.3
Pekerja Am	1	0.4	4	1.7	12	5.2	0	0.0	17	7.4
Petani	1	0.4	1	0.4	0	0.0	0	0.0	2	0.9
Tidak Tetap	2	0.9	3	1.3	3	1.3	1	0.4	9	3.9
Lain-Lain	1	0.4	3	1.3	5	2.2	0	0.0	9	3.9
Jumlah	40	17.4	44	19.1	137	59.6	9	3.9	230	100

Sumber: Borang soal selidik

³ Hassan Haji Ali (2003), "Pertumbuhan, Agihan Pendapatan dan Kemiskinan", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h. 246.

⁴ Md. Taib Haji Dora (1997), *op.cit.*

Jadual 5.3 menunjukkan bahawa pekerjaan yang diceburi oleh kebanyakan responden terdiri daripada golongan yang bekerja berpendapatan rendah. Peratus responden yang tidak bekerja adalah tinggi iaitu 75.2% berbanding dengan 24.8% yang bekerja. Penyumbang kepada peratusan tersebut didapati daripada semua status sama ada bujang, berkahwin, ibu tunggal dan duda. Hasil kajian mendapati bahawa mereka tidak bekerja kerana dipengaruhi oleh taraf kesihatan seperti tidak sihat, uzur, mengalami kecacatan dan golongan OKU. Manakala bagi golongan berkahwin pula terdapat responden yang terdiri daripada AIR yang masih mempunyai suami atau ketua keluarga, mereka mengambil inisiatif sendiri untuk memohon bantuan dengan MAINS dan didaftarkan atas nama mereka. Antara faktor keadaan demikian mungkin akibat desakan hidup yang sangat memerlukan bantuan zakat untuk memenuhi keperluan asas hidup. Hasil tinjauan juga mendapati responden tiada mempunyai kerja sampingan selain daripada mengharapkan pendapatan dalam pekerjaan terbabit.

Suatu yang ketara dalam kajian ini mendapati bahawa peratus golongan ibu tunggal yang tidak bekerja agak tinggi iaitu 46.1% berbanding dengan golongan lain. Meskipun trend yang hampir sama ditunjukkan bagi golongan bujang dan berkahwin yang tidak bekerja iaitu 13.9% dan 12.2% ia berkait dengan faktor umur dan kesihatan responden yang menjadikan mereka hidup dalam kemiskinan. Kategori responden bekerja sebagai pekerja am lebih ramai iaitu 7.4% berbanding pekerjaan lain dan mereka juga kebanyakan terdiri dari ibu tunggal. Manakala bagi golongan bujang pula mempunyai trend yang hampir sama dengan semua jenis pekerjaan yang mereka perolehi iaitu 0.4% dan 0.9%. Meskipun peratusannya agak rendah tetapi ia turut mempengaruhi kadar kemiskinan di Negeri Sembilan dan jumlah bantuan kepada asnaf zakat.

Jadual 5.4: Umur dan Taraf Kesihatan

Umur (tahun)	Taraf Kesihatan								Jumlah	
	Sihat		Tidak Sihat- Bukan Kronik		Tidak Sihat- Kronik*		Kecacatan			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
26-55	27	11.7	15	6.5	25	10.9	19	8.3	86	37.4
56-65	8	3.5	12	5.2	26	11.3	8	3.5	54	23.5
65Ke Atas	11	4.8	28	12.2	39	17	12	5.2	90	39.1
Jumlah	46	20	55	23.9	90	39.1	39	17	230	100

Nota: * termasuk uzur

Sumber : Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa taraf kesihatan responden yang sihat hanya 20% berbanding 80% di mana mereka mengalami sakit bukan kronik 23.9%, sakit kronik 39.1% dan kecacatan 17%. Jika dilihat dari sudut peringkat umur pula mereka yang telah lanjut iaitu 65 tahun ke atas adalah 39.1% lebih ramai berbanding umur 26 hingga 55 tahun (37.4%) dan antara 56 hingga 65 tahun (23.5%). Fenomena ini terjadi kerana peningkatan tempoh jangka hayat warga tua semakin baik dan selari dengan peningkatan jumlah penduduk di Negeri Sembilan. Pada waktu yang sama ia akan mempengaruhi dasar kebajikan dan pengagihan wang zakat terhadap warga tua bagi memastikan golongan ini tidak ketinggalan dalam agihan pendapatan dan kebajikan.

Keadaan demikian turut mendedahkan diri mereka dalam kemiskinan kerana tidak mampu untuk mendapatkan pekerjaan yang menjamin pendapatan mereka kerana faktor kesihatan. Kajian ini selari dengan dapatan kajian mengenai taraf kesihatan warga tua yang berpendapatan rendah menghidap jenis penyakit darah tinggi, jantung, sakit

sendi, kencing manis dan asma merupakan antara jenis penyakit yang tinggi peratusnya.⁵

Jadual 5.5. Umur dan Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Umur (Tahun)							
	26-55		56-65		65 ke atas		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil	%
Tidak Bekerja	43	18.7	43	18.7	87	37.8	173	75.2
Peniaga	13	5.7	1	0.4	0	0	14	6.1
Kerja Kilang	2	0.9	1	0.4	0	0	3	1.3
Penoreh Getah	0	0	3	1.3	0	0	3	1.3
Pekerja Am	15	6.5	1	0.4	1	0.4	17	7.4
Petani	1	0.4	0	0	1	0.4	2	0.9
Tidak Tetap	6	2.6	3	1.3	0	0	9	3.9
Lain-Lain	6	2.6	2	0.9	1	0.4	9	3.9
Jumlah	86	37.4	54	23.5	90	39.1	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Kajian ini mendapati bahawa majoriti responden yang tidak bekerja adalah di kalangan mereka yang berumur 65 tahun ke atas. Oleh kerana lingkungan umur golongan bekerja adalah dari 15 hingga 64 tahun⁶ maka kajian ini selaras dengan peringkat umur yang mendapati responden yang tidak bekerja adalah kumpulan majoriti 65 tahun ke atas iaitu 37.8% berbanding dengan 26-55 tahun dan 56-65 tahun masing-masing sebanyak 18.7%. Selain faktor umur, mereka yang tidak bekerja juga akibat taraf pendidikan rendah, tiada peluang kerja yang sesuai, sakit dan masih mencari

⁵ Tengku Aizan Tengku Abd Hamid, Nurizan Yahaya dan Norisma Aiza Ismail (2004), "Profil Warga Tua Berpendapatan Rendah" dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (ed.), *op.cit.*, h.165.

⁶ Saad Mohd Said (2003), "Pertumbuhan Penduduk", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h. 44. Takrif warga emas yang digunapakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly On Aging in 1982" Vienna. Sila rujuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, Dasar Warga Tua Negara, <http://www.jkm.gov.my>. 3 Disember 2009

pekerjaan yang lain. Terdapat juga responden yang terpaksa berhenti kerja kerana menjaga keluarga yang sakit dan memerlukan perhatian sepenuh masa. Keadaan demikian turut menjadi halangan mereka untuk keluar mencari pekerjaan.

Jadual 5.6: Pendapatan Isi Rumah Sebelum Agihan Zakat.

Kumpulan Pendapatan	Bil.	(%)
RM 0-RM 429	126	54.8
RM 430- RM 720	55	23.9
RM 721- RM 1010	22	9.6
RM 1011 Ke Atas	27	11.7
Jumlah	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Jumlah pendapatan ahli isi rumah dikira melalui hasil upah, terimaan wang, bantuan atau pendapatan daripada pekerjaan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pendapatan isi rumah di bawah kemiskinan tegar RM0-RM429 sebanyak 54.8%, RM430-720 (23.9%), RM721-RM1010 (22%) dan RM1011 ke atas (27%). Kajian juga mendapati terdapat seramai 12 responden atau 5.22% tidak mempunyai pendapatan langsung selain mengharapkan bantuan zakat. Namun begitu pendapatan minimum responden yang tiada pendapatan telah meningkat kepada RM100 selepas agihan zakat diberikan kepada mereka setiap bulan. Manakala kajian mendapati pendapatan maksimum responden sebelum agihan zakat ialah RM2,600.

Profil responden ini menyokong fakta bahawa kemiskinan disebabkan oleh pasaran buruh tidak formal di bandar dan luar bandar terdiri daripada sektor

menawarkan pekerjaan upah yang rendah, tiada faedah sampingan, pekerjaan tidak terjamin, bekerja secara sambilan atau tidak sepenuh masa.⁷

Jadual 5.7: Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	Bil	%
Tidak Sekolah-Buta Huruf	65	28.3
Tidak Sekolah-Celik Huruf	13	5.7
Sekolah Rendah/Agama	99	43
Sekolah Menengah Rendah -SRP	30	13
Sekolah Menengah Atas - SPM	20	8.7
Maktab / STPM / Diploma	2	0.9
Lain-Lain	1	0.4
Jumlah	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Secara keseluruhan, golongan penerima zakat adalah terdiri daripada mereka yang berpendidikan sekolah rendah atau agama iaitu 43%, diikuti mereka yang tidak bersekolah sama ada buta huruf atau tidak 34%, sekolah menengah rendah SRP 13%, sekolah menengah atas SPM 8.7%, Maktab/STPM/Diploma 0.9% dan lain-lain 0.4%. Responden yang dikajian bagi tahap buta huruf juga didapati sebanyak 28.3%. Implikasi data kajian ini juga memberi petunjuk terhadap hasil pendapatan responden yang tidak berupaya untuk meningkatkan jumlah pendapatan yang mencukupi dalam kehidupan mereka akibat latar belakang taraf pendidikan rendah. Kajian ini menyokong hasil

⁷ Fatimah Said (2003), "Guna Tenaga dan Pengangguran", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h.59-61.

dapatan kajian Hairunnizam Wahid et.al (2004) yang mendapati responden yang tidak berpendidikan secara formal memberi impak kemiskinan.⁸

Jadual 5.8: Taraf Pendidikan dan Pendapatan

Pendapatan	Taraf Pendidikan															
	Tidak Sekolah-Buta Huruf		Tidak Sekolah-Celik Huruf		Sek. Rendah/Agama		Sek. Men. Ren. SRP		Sek. Men. Atas SPM		Maktab/STPM/Diploma		Lain-Lain		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil	%
RM 0-RM 429	50	21.7	10	4.3	69	30	17	7.4	11	4.8	0	0	1	0.4	158	68.7
RM 430-RM 720	9	3.9	1	0.4	18	7.8	7	3	4	1.7	1	0.4	0	0	40	17.4
RM 721-RM 1010	3	1.3	1	0.4	7	3	2	0.9	4	1.7	1	0.4	0	0	18	7.8
RM 1011 Ke Atas	3	1.3	1	0.4	5	2.2	4	1.7	1	0.4	0	0	0	0	14	6.1
Jumlah	65	28.3	13	5.7	99	43	30	13	20	8.7	2	0.9	1	0.4	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Taraf pendidikan dan kemahiran dikenalpasti sebagai penentu utama pendapatan pekerja⁹. Kajian ini menyokong fakta bahawa tenaga buruh yang berpendidikan rendah, kurang kemahiran dan bekerja di firma kecil akan menerima upah yang kecil. Kajian ini menyokong bahawa faktor pendidikan memberi kesan ke atas jenis pekerjaan, jumlah pendapatan yang rendah dan faedah yang kecil menyumbang kepada kemiskinan¹⁰ serta sukar mendapatkan kerja yang bergaji lumayan¹¹. Kajian ini mendapati seramai 30% responden yang mempunyai taraf pendidikan sekolah rendah/agama adalah merupakan golongan miskin tegar. Manakala

⁸ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor (2004), *op.cit.*, hh.151-166.

⁹ Kajian Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan (2007) (tidak diterbitkan), h.27.

¹⁰ Fatimah Said (2003), "Guna Tenaga dan Pengangguran", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h.61-62.

¹¹ Md. Taib Haji Dora (1997), *op.cit.*

yang tidak bersekolah-buta atau celik huruf (26%), sekolah menengah rendah/SRP (7.4%), sekolah menengah atas/SPM (4.8%) dan lain-lain (0.4%) menjadikan golongan sedemikian masih hidup dalam kemiskinan dengan pendapatan antara RM0-RM429. Terdapat kajian yang menyatakan pendidikan merupakan aspek penting dan sangat mempengaruhi sumber pendapatan dan kewangan. Terdapat hubungan yang rapat antara tahap pendidikan dengan pendapatan¹². Oleh yang demikian, kajian ini selari dengan kajian tersebut bahawa responden yang mempunyai taraf pendidikan rendah mempengaruhi pendapatan yang rendah.

Jadual 5.9: Taraf Kesihatan dan Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Taraf Kesihatan									
	Sihat		Tidak Sihat-Bukan Kronik		Tidak Sihat-Kronik		Kecacatan		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tidak Bekerja	28	12.2	40	17.4	73	31.7	32	13.9	173	75.2
Peniaga	4	1.7	5	2.2	3	1.3	2	0.9	14	6.1
Kerja Kilang	1	0.4	0	0	2	0.9	0	0	3	1.3
Penoreh Getah	0	0	2	0.9	1	0.4	0	0	3	1.3
Pekerja Am	7	3.0	4	1.7	5	2.2	1	0.4	17	7.4
Petani	0	0	1	0.4	0	0	1	0.4	2	0.9
Tidak Tetap	3	1.3	1	0.4	4	1.7	1	0.4	9	3.9
Lain-Lain	3	1.3	2	0.9	2	0.9	2	0.9	9	3.9
Jumlah	46	20	55	23.9	90	39.1	39	17	230	100

Sumber: Borang Soal selidik

¹² Mohd Amim Othman (2004), "Pendidikan dan Pembangunan Modal" dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahaya (editor), *op.cit.*, h.71.

Merujuk jadual 5.9, hasil kajian mendapati 75.2% responden tidak bekerja. Ini diikuti dengan pekerja am 7.4%, peniaga 6.1%, tidak tetap dan selainnya masing-masing 3.9%, bekerja kilang dan penoreh getah masing-masing 1.3%, petani 0.9%. Keadaan sedemikian mendapati bahawa mereka hidup dalam kemiskinan kerana mempunyai taraf pendidikan rendah dan bergantung kepada pekerjaan dengan tawaran bayaran yang rendah. Bagi responden yang tidak bekerja pula mereka bergantung hidup dengan bantuan daripada sama ada daripada keluarga atau institusi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan MAINS. Dari segi kesihatan pula mendapati bahawa mereka yang sihat tetapi tidak bekerja hanya 12.2% berbanding dengan responden yang tidak sihat (kronik, bukan kronik dan mengalami kecacatan) 63%. Menurut Poo Bee Tin et.al peningkatan taraf kesihatan mempunyai hubungan langsung dengan pendapatan, pekerjaan dan kelas dalam masyarakat.¹³ Dapatan kajian ini selari dengan kewujudan hubungan tersebut yang telah menjelaskan fenomena faktor-faktor dan kadar kemiskinan di Negeri Sembilan.

Jadual 5.10: Pendapatan dan Taraf Kesihatan

Pendapatan	Taraf Kesihatan									
	Sihat		Tidak sihat- Bukan krinik		Tidak sihat- kronik		Kecacatan		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
RM0-RM429	32	13.9	34	14.8	62	27	30	13	158	68.7
RM430- RM720	8	3.5	12	5.2	16	7	4	1.7	40	17.4
RM721- RM1010	4	1.7	6	2.6	5	2.2	3	1.3	18	7.8
RM1011 Ke Atas	2	0.9	3	1.3	7	3	2	0.9	14	6.1
Jumlah	46	20	55	23.9	90	9.1	39	17	230	100

Sumber: Borang soal selidik

¹³ Poo Bee Tin dan Doris Padmini Selvaratnam (2003), "Kesihatan dan Pembangunan" dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h.119.

Daripada jadual 5.10 dapatan kajian mendapati bahawa responden yang sihat berdasarkan semua jenis tingkat pendapatan adalah sebanyak 20%. Ini bermakna peratus responden yang dikategorikan tidak sihat sama ada kronik, tidak kronik atau kecacatan adalah sangat tinggi iaitu 80%. Dapatan ini adalah selari dengan kajian golongan berpendapatan rendah cenderung menghidap penyakit kronik seperti kanser, kencing manis dan penyakit jantung berbanding golongan kaya. Ini adalah kerana mereka yang berpendapatan tinggi mampu untuk memperolehi kemudahan kesihatan yang lebih baik¹⁴. Hasil temubual mendapati seramai 39.1% responden mengalami sakit kronik. Kebanyakan jenis penyakit yang dialami oleh mereka ialah kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, asma, penyakit sendi dan migrain. Kajian ini menunjukkan bahawa taraf kesihatan akan mempengaruhi tingkat pendapatan yang seterusnya mewujudkan masalah kemiskinan akibat ketidakupayaan mencari pendapatan.

Jadual 5.11: Pendapatan Isi Rumah Dan Jumlah Bantuan Selain Daripada MAINS

Pendapatan	Jumlah Bantuan Selain MAINS											
	Tiada		RM 1- RM 100		RM 101 – RM 200		RM 201- RM 300		RM 301 Ke Atas		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
RM0- RM429	41	17.8	21	9.1	37	16.1	30	13	29	12.6	158	68.7
RM430- RM720	20	8.7	3	1.3	5	2.2	6	2.6	6	2.6	40	17.4
RM721- RM1010	7	3	3	1.3	2	0.9	3	1.3	3	1.3	18	7.8
RM1011 Ke atas	7	3	1	0.4	2	0.9	4	1.7	0	0	14	6.1
Jumlah	75	32.6	28	12.2	46	20	43	18.7	38	16.5	230	100

Sumber: Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati majoriti kumpulan yang berpendapatan antara RM0 hingga RM429 adalah golongan terbesar (17.8%) yang tidak mendapat bantuan selain

¹⁴ Ma'rof Redzuan (2004), "Golongan Berpendapatan Rendah: Konsep dan Pendekatan" dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahaya (editor), *op.cit.*, h.12.

MAINS. Sedangkan kumpulan inilah yang tergolong dalam kelompok miskin tegar dan sangat memerlukan bantuan. Trend yang hampir sama ditunjukkan bagi kumpulan yang mendapat jumlah bantuan RM101 hingga RM200 adalah sebanyak 16.1%, RM201 hingga RM300 (13%), RM301 ke atas (12.6%) dan RM100 (9.1%). Implikasi daripada penemuan ini ialah mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan MAINS untuk memenuhi keperluan asas yang dikehendaki. Oleh yang demikian golongan yang termasuk di dalam kelompok kemiskinan tegar harus diutamakan bagi menyalurkan bantuan dan seterusnya menjadikan agenda membasmi kemiskinan tegar dapat dicapai.¹⁵

Jadual 5.12: Pandangan Responden Terhadap Urusan Agihan Zakat MAINS.

Item	Ya		Tidak	
	Bil.	%	Bil.	%
1. Pegawai Baitul Mal ada melakukan lawatan/siasatan di rumah asnaf semasa membuat permohonan bantuan zakat.	54	23.5	176	76.5
2. Bantuan zakat yang diterima oleh asnaf dapat membantu kos sara hidup mereka.	60	26.1	170	73.9
3. Bantuan zakat yang diterima oleh asnaf mengikut masa yang telah ditetapkan oleh MAINS.	121	52.6	109	47.4

Sumber : Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa seramai 76.5% menyatakan bahawa tiada pegawai Baitul Mal membuat lawatan atau siasatan ke rumah responden semasa mereka membuat permohonan bantuan zakat. Manakala 23.5% responden menyatakan pegawai

¹⁵ Isu agihan pendapatan dan masalah kemiskinan merupakan dua persoalan yang perlu diberi perhatian kerana kemiskinan relatif masih wujud dan faktor globalisasi turut mempengaruhi masalah tersebut. Lihat Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof (2009), “Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang” dalam Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof (penyunting) *op.cit.*, hh.32-33.

Baitul Mal ada membuat lawatan atau siasatan ke rumah mereka. Ini berikutan daripada responden yang membuat permohonan terus ke kaunter MAINS akan mengisi borang permohonan dan diproses untuk menentukan kelayakan mereka.

Selain itu kajian ini mendapati bahawa seramai 73.9% responden menyatakan bahawa bantuan kewangan zakat tidak mencukupi dalam membantu kos sara hidup mereka berbanding dengan responden yang menyatakan bantuan zakat ini dapat membantu sebanyak 26.1%. Pandangan responden juga berkait dengan jumlah perbelanjaan mereka untuk menampung segala keperluan asas yang meliputi tempat tinggal, makan minum, kesihatan keperluan persekolahan anak. Oleh kerana bantuan zakat sebanyak RM100 diberi kepada responden tetapi masih tidak mencukupi meskipun mereka tiada tanggungan. Ini disebabkan mereka berharap sepenuhnya kepada bantuan untuk menyara kehidupan harian mereka.

Manakala bagi item penyampaian bantuan zakat kajian mendapati seramai 52.6% responden menyatakan bantuan zakat sampai pada masa yang ditetapkan berbanding responden yang menyatakan tidak sampai pada masa yang ditetapkan (47.4%). Responden menyatakan keadaan demikian kerana bantuan kewangan adakala sampai bagi setiap 2 atau 3 bulan sekali. Namun begitu, menurut Pegawai Zakat MAINS bantuan ini telah dikemaskini semula bermula pada Januari 2009 dengan memasukkan wang zakat pada setiap bulan kepada responden selepas sistem agihan dikaji semula untuk memastikan mereka mendapat zakat pada setiap bulan yang ditetapkan.¹⁶

¹⁶. Zainal bin Said, Pegawai Zakat MAINS, Temubual pada 10 Mac 2009.

Berdasarkan profil responden kajian ini menjelaskan siapakah yang dikategorikan sebagai miskin dan apakah ciri-ciri yang menjadikan mereka miskin. Terdapat tujuh golongan yang perlu diberi perhatian utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan iaitu: (1) wanita yang menjadi KIR, (2) warga emas berumur 65 tahun ke atas, (3) ibu tunggal, (4) asnaf yang tinggal di luar bandar, (5), mereka yang mendapat taraf pendidikan rendah atau tidak bersekolah, (6), mereka yang tidak sihat atau bertaraf OKU, dan (7) mereka yang bekerja tetapi masih berpendapatan di bawah PGK. Kajian mendapati terdapat ciri-ciri persamaan yang dihadapi oleh tujuh golongan di atas iaitu kesukaran untuk mendapat pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tinggi, tiada kemahiran, tiada kerja sampingan, hanya mengharapkan satu pekerjaan dengan gaji yang rendah dan tiada wang tabungan. Terdapat responden yang bekerja seharian namun upah atau hasil yang diperolehi masih belum mencukupi apatah lagi untuk melepasi garis kemiskinan melalui ukuran PGK. Bahkan kajian juga mendapati bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin dilihat sekadar membantu buat sementara waktu sahaja sedangkan keperluan dan kos sara hidup mereka semakin meningkat.

Golongan wanita sering dikaitkan dengan kemiskinan. Teori dan kajian-kajian lepas menyatakan hakikat tersebut termasuklah kajian ini. Sama ada mereka terdiri dari ibu tunggal, wanita yang menjadi KIR menggalas tanggungjawab suami yang tidak berupaya atau menjaga tanggungan. Ini termasuklah warga tua yang menyumbang kepada kadar kemiskinan yang tinggi. Ini tidak bermakna skim bantuan zakat tidak berkesan tetapi mungkin terdapat kekurangan atau kekangan yang tidak disedari.

Melalui hasil kajian ini juga mendapati bagi kebanyakan golongan miskin tiada mempunyai wang simpanan untuk menampung perbelanjaan harian. Oleh yang

demikian mereka hanya mengharapkan sepenuhnya daripada bantuan agihan zakat yang disalurkan kepada mereka pada setiap bulan. Ini dapat dibuktikan daripada kadar kemiskinan di kalangan responden masih melebihi 50% ke atas walaupun telah mendapat bantuan wang zakat.

Skim bantuan sama ada dalam bentuk wang tunai, bantuan persekolahan, rawatan kesihatan atau barangan makanan kepada asnaf fakir miskin sebenarnya masih belum mencukupi untuk meningkatkan pendapatan. Fenomena ini mencerminkan bahawa mereka hanya mengharapkan bantuan zakat bagi menampung keperluan asas dan kumpulan ini harus diberi perhatian. Jika bantuan zakat dapat diagihkan dengan berkesan kemungkinan mereka tidak lagi berada di bawah PGK seterusnya dijangkakan kadar kemiskinan akan berjaya dikurangkan pada tahap yang jauh lebih baik daripada kadar tersebut.

Selain itu, warga tua pula masih lagi merupakan golongan majoriti yang tergolong dalam kemiskinan. Hakikat bahawa mereka sering kali menghadapi masalah kewangan ketika tua disebabkan tiada tabungan¹⁷. Keputusan yang sama dalam kajian ini menunjukkan persediaan menghadapi hari tua masih tidak diamalkan sepenuhnya. Persediaan ini membawa maksud dari segi sumber kewangan menghadapi hari tua. Keadaan ini juga kemungkinan disebabkan mereka bergantung sepenuhnya pemberian wang daripada anak-anak mereka sebagai menampung wang perbelanjaan harian. Namun begitu, golongan ini masih memerlukan bantuan wang zakat kerana anak-anak mereka juga didakwa tidak berkemampuan untuk menanggung hidup ibu bapa kerana sudah berkeluarga dan pendapatan hanya cukup untuk mereka sahaja. Buktinya,

¹⁷ Poo Bee Tin dan Doris Padmini Selvaratnam (2006), "Warga tua dalam Pascaindustri" dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib (penyunting), *op.cit.*, h.201.

sebanyak 60.9% responden yang tidak mempunyai tanggungan meskipun anak-anak mereka sudah bekerja masih tergolong di bawah paras kemiskinan. Bagi yang tiada tanggungan pula responden menyatakan anak-anak mereka sudah bekerja dan berkahwin. Anak-anak mereka turut dikatakan tidak mampu untuk menanggung ibu bapa miskin. Ini bermakna sekiranya mereka mempunyai simpanan untuk hari tua bermakna mereka tidak lagi akan termasuk dalam kelompok asnaf fakir miskin kerana mampu menanggung diri sendiri hasil daripada simpanan ketika masih muda dan sihat untuk bekerja.

Di sebalik profil warga tua yang terlibat dalam kemiskinan, hasil borang selidik menunjukkan golongan kedua terbesar yang menghadapi masalah ini ialah berumur antara 26-55 tahun. Sedangkan hakikat bahawa kelompok umur tersebut dianggap sebagai satu tempoh masih muda dan sihat untuk menjana pendapatan namun keadaan berlaku sebaliknya di mana mereka juga tergolong dalam kemiskinan. Sehubungan dengan itu golongan ini (umur 26-55 tahun) perlu diberi perhatian dengan cara mengenal pasti dan membangunkan aspek kemahiran yang mampu menjana pendapatan agar pendapatan isi rumah melepasi garis kemiskinan. Skim bantuan zakat boleh diperluaskan bagi meningkatkan kemahiran agar kelompok sasaran ini tidak tergolong dalam kemiskinan.

Dari segi lokasi atau daerah pula kajian mendapati kawasan Seremban menjadi kumpulan majoriti penerima bantuan zakat berbanding daerah Rembau dan Jelevu. Keadaan tersebut kemungkinan berpunca dengan kos sara hidup yang lebih tinggi di Seremban. Manakala bagi responden di daerah Rembau dan Jelevu pula mereka masih dapat menampung kos sara hidup yang lebih rendah berbanding Seremban. Data

kemiskinan Negeri Sembilan turut mempunyai persamaan dengan hasil dapatan kajian ini iaitu daerah Seremban mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding daerah-daerah lain.

Selanjutnya, hasil borang selidik ini juga memberi maklumat yang sama dengan Laporan Banci Penduduk 1991, selain daripada kajian yang telah dilakukan oleh Hasan Haji Ali¹⁸ dan Md. Taib Haji Dora¹⁹ merumuskan bahawa majoriti golongan wanita, KIR terdiri dari wanita dan ibu tunggal adalah kumpulan terbesar yang terlibat dalam masalah kemiskinan. Terdapat juga responden wanita menjadi KIR disebabkan mereka terpaksa mengambil alih tugas sebagai ketua keluarga kerana ditinggalkan suami, mengalami masalah kesihatan dan suami tidak mampu bekerja kerana sedang dipenjara. Selain itu dapatan kajian ini disokong oleh jangka hayat wanita lebih tinggi daripada lelaki turut mempengaruhi fenomena ini. Oleh yang demikian wanita secara tidak langsung berperanan sebagai ketua keluarga menggalas tanggungjawab untuk mencari sumber pendapatan bagi menampung kehidupan harian mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa salah satu daripada objektif agihan zakat MAINS adalah untuk meningkatkan taraf hidup golongan asnaf merangkumi sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian²⁰, justeru dengan penjelasan maklumat profil responden memberi panduan dan memberi idea bagi meningkatkan kesan agihan zakat terutama kepada golongan yang diuraikan di atas. Secara ringkas, profil responden yang utama seperti yang diuraikan di atas dan ciri-ciri kemiskinan adalah seperti jadual 5.13 di halaman berikut.

¹⁸ Hasan Haji Ali (2003), "Pertumbuhan, Agihan pendapatan dan Kemiskinan", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h.244.

¹⁹ Md. Taib Haji Dora (1997), *op.cit.*

²⁰ Sila rujuk latar belakang MAINS.

Jadual 5.13: Kategori Dan Ciri-Ciri Kemiskinan

Kategori	Ciri-ciri
1.Wanita yang menjadi KIR	Menggalas tanggungjawab suami (sakit/dipenjara), kekurangan kemahiran, tiada peluang kerja yang sesuai, mengurus anak-anak di bawah tanggungan .
2.Warga emas	Tidak bekerja, tiada tabungan hari tua, mengharapkan pemberian anak-anak, masalah kesihatan dan uzur.
3.Ibu tunggal	Sebab cerai hidup/mati, ditinggalkan tanpa sebab, tiada simpanan.
4.Cacat/OKU	Sukar mendapat pekerjaan, tiada kemahiran, dibantu oleh jiran/saudara/keluarga.
5.Taraf pendidikan rendah / tidak bersekolah	Sukar mendapat pekerjaan, kurang kemahiran, mengharap bantuan sedia ada.
6.Tinggal di luar bandar	Kos sara hidup rendah tetapi masih belum mencukupi, sukar mendapat peluang, bergantung belas ihsan jiran dan saudar mara.
7.Berpendapatan bawah PGK	Berusaha sedaya upaya, kurang mendapat maklumat pekerjaan yang sesuai, gaji harian.

Sumber: Borang soal selidik.

Selanjutnya pengkaji akan menganalisis keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan mengikut indeks-indeks kemiskinan.

5.2 Analisis Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan.

Jadual 5.14 menunjukkan perbandingan analisis data menggunakan indeks kemiskinan iaitu kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan.

Jadual 5.14 Kadar Kemiskinan, Jurang Kemiskinan, Purata Jurang Kemiskinan dan Nisbah Jurang Pendapatan Sebelum dan Selepas Agihan Zakat.²¹

Indeks	Sebelum Agihan Zakat (a)	Selepas Agihan Zakat (b)	Perbezaan (%) [(b-a) / (a)] x 100
Kadar Kemiskinan	0.7869	0.7261	-7.72
Jurang Kemiskinan	RM70,633.70	RM52,481.00	-25.70
Purata Jurang Kemiskinan	RM390.24	RM314.26	-19.47
Nisbah Jurang Pendapatan	54.20%	43.65%.	-19.46

Sumber: Borang soal selidik

5.2.1 Kadar Kemiskinan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.²²

(1) Sebelum agihan zakat :

$$\begin{aligned}H_a &= 181/230 \\ &= 0.7869\end{aligned}$$

Selepas agihan zakat:


$$\begin{aligned}H_b &= 167/230 \\ &= 0.7261\end{aligned}$$

²¹ Sila rujuk Lampiran H.

²² Sila rujuk formula pada Bab 3, (3.3.2 Kadar Kemiskinan)

Hasil kajian mendapati kadar kemiskinan selepas agihan zakat semakin berkurangan daripada 78.69% kepada 72.61%. Ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dilakukan oleh MAINS berkesan dalam mengurangkan kadar kemiskinan terhadap asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan. Rajah 5.1. di bawah menunjukkan graf perbandingan kadar kemiskinan sebelum dan selepas agihan zakat.

Rajah 5.1: Perbandingan Kadar Kemiskinan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.



Sumber: Borang soal selidik

Berdasarkan rajah 5.1 di atas kadar kemiskinan responden sebelum menerima bantuan zakat adalah sebanyak 78.69%. Namun begitu dengan bantuan zakat yang diagihkan kepada responden telah menurun kepada 72.61% iaitu penurunan sebanyak 7.72%.

Jadual 5.15: Bilangan Isi Rumah Miskin Dan Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar
Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.

Perkara	Sebelum Agihan Zakat (a)	Selepas Agihan Zakat (b)	Perbezaan (%) $[(b-a) / (a)] \times 100$
Bilangan isi rumah miskin	181	167	-7.73
Bilangan isi rumah miskin tegar / fakir. ²³	126	95	-24.60

Sumber: Borang soal selidik

Merujuk jadual 5.15 hasil kajian mendapati sebelum agihan zakat seramai 181 isi rumah miskin berbanding selepas agihan zakat telah berkurangan kepada 167 isi rumah. Ini bermakna pengurangan sebanyak 7.73% isi rumah miskin telah berjaya dilaksanakan selepas agihan zakat MAINS diberikan kepada asnaf miskin. Manakala bagi isi rumah miskin tegar atau fakir terdapat seramai 126 orang isi rumah sebelum agihan zakat telah berkurangan kepada 95 orang atau 24.60% setelah mereka menerima bantuan zakat MAINS.

Dari aspek jumlah perbelanjaan pula kajian ini mendapati majoriti responden (70%) akan membelanjakan sebanyak RM0 hingga RM429 sebulan . Justeru, agihan zakat perlu memberi perhatian bagi kumpulan yang memerlukan jumlah perbelanjaan ini. Dijangka kadar kemiskinan kumpulan miskin tegar akan dapat dikurangkan dengan lebih ramai lagi jika agihan zakat mampu memenuhi keperluan perbelanjaan isi rumah. Untuk itu, pihak MAINS perlu lebih kerap melakukan siasatan lanjut dan membuat

²³ Bilangan miskin tegar diwakili oleh ahli isi rumah separuh daripada PGK yang berpendapatan RM0-RM429.

lawatan ke rumah asnaf bagi mengesahkan ketidakcukupan bantuan dan mengemaskini maklumat asnaf dari masa ke semasa.

Meskipun kadar kemiskinan selepas agihan zakat mengalami penurunan namun dari segi peratusannya masih agak tinggi iaitu 72.61%. Kemungkinan kadar tersebut disumbangkan oleh faktor-faktor berikut: (1) responden yang tidak bekerja 75.2%, (2) warga tua 39.1%, (3) tidak sihat termasuklah OKU 80% dan (4) tiada mendapat bantuan daripada institusi lain 32.6%. Selain itu hasil borang selidik mendapati seramai 73.9% responden menyatakan bahawa bantuan zakat tidak dapat menampung kos sara hidup mereka yang semakin meningkat. Oleh kerana kadar kemiskinan responden masih melebihi 50% maka skim agihan zakat perlu dinilai semula dengan mensasarkan sekurang-kurangnya kadar isi rumah miskin hanya tinggal 50% sahaja dalam tempoh setahun selepas menerima bantuan zakat. Siasatan terperinci dengan membuat lawatan berjumpa dengan responden di rumah mereka akan dapat memberi situasi sebenar berbanding dengan hanya bergantung kepada borang permohonan semata-mata.

Dua data boleh dijadikan petunjuk bagi kita menilai kemiskinan di peringkat daerah. Di Negeri Sembilan majoriti golongan miskin ialah di daerah Seremban, diikuti dengan Rembau dan Jelevu. Trend yang sama juga boleh dikesan pada bilangan penerima agihan zakat MAINS²⁴. Meskipun daerah Seremban dan Rembau didapati mempunyai pembangunan pesat berbanding daerah Jelevu, namun kadar kemiskinan di daerah tersebut masih tinggi. Kemungkinan keadaan demikian akibat daripada proses penghijrahan ke bandar atau kawasan yang pesat membangun menjadi penyumbang

²⁴ Sila rujuk Bab 4, Latar Belakang Negeri Sembilan.

kepada jumlah isi rumah miskin. Selain daripada kesan kenaikan harga barang, pengurangan pendapatan juga telah menjejaskan perbelanjaan²⁵.

Hasil borang selidik mendapati terdapat responden yang terpaksa mengurangkan perbelanjaan membeli ubat rawatan, membeli ubat yang tidak bersesuaian, malahan ada yang terpaksa membuat pinjaman wang daripada ceti sementara menunggu gaji bulanan dan membiarkan penyakit yang dihidapi sehingga ke tahap kronik. Semua tindakan di atas berpunca daripada kekurangan wang pendapatan sehingga memaksa untuk mengurangkan perbelanjaan meskipun perbelanjaan tersebut sangat diperlukan. Selain itu keadaan demikian turut memberi kesan terhadap prestasi pendidikan anak-anak responden yang masih bersekolah di mana mereka kekurangan semangat motivasi, tidak dapat menumpukan pembelajaran sehingga lebih selesa untuk bekerja mencari pendapatan daripada meneruskan persekolahan yang akhirnya prestasi pelajaran mereka turut terjejas. Ini bermakna kesan ekonomi keluarga sebegini akan turut memberi kesan sosial anak-anak dan akan mewarisi kemiskinan dari ibu bapa mereka.

5.2.2. Jurang Kemiskinan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.²⁶

- (1) Jurang kemiskinan sebelum agihan zakat.

$$P_a = \text{RM}70,633.70$$

- (2) Jurang kemiskinan selepas agihan zakat.

$$P_b = \text{RM}52,481.00.$$

²⁵ Nor Aini Idris (2006), "Isu dan Masalah Kemiskinan di Malaysia" dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib (penyunting), *op.cit.*, hh.135-136.

²⁶ Sila rujuk formula pengiraan Bab 3 (3.3.3. Jurang Kemiskinan).

Jurang kemiskinan sebelum agihan zakat ialah RM70,633.70. Ini bermakna bagi 181 isi rumah miskin masih memerlukan sebanyak RM70,633.70 untuk mengeluarkan mereka dari PGK. Manakala jurang kemiskinan selepas agihan zakat ialah RM52,481.00. Ini bermakna bagi 167 isi rumah miskin memerlukan sebanyak RM52,481.00 untuk mengeluarkan mereka dari PGK.

Hasil kajian mendapati nilai jurang kemiskinan selepas agihan zakat semakin berkurangan daripada RM70,633.70 kepada RM52,481.00 atau penurunan sebanyak 25.70%. Ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dilaksanakan oleh pihak MAINS berkesan dalam mengurangkan jurang kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

5.2.3. Purata Jurang Kemiskinan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.²⁷

- (1) Purata jurang kemiskinan sebelum agihan zakat.

$$P_c = \text{RM}390.24$$

- (2) Purata jurang kemiskinan selepas agihan zakat =

$$P_d = \text{RM}314.26$$

Secara purata jurang kemiskinan sebelum agihan zakat bagi setiap isi rumah ialah sebanyak RM390.24. Nilainya melebihi 50% daripada PGK (RM720.00). Manakala purata jurang kemiskinan semakin berkurangan selepas responden menerima agihan zakat daripada RM390.24 kepada RM314.26. Analisis kajian menunjukkan peerbezaan sebanyak 19.47% agihan zakat yang dilakukan oleh pihak MAINS berkesan

²⁷ Sila rujuk Bab 3 (3.3.4. Purata Jurang Kemiskinan)

dalam mengurangkan purata jurang kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

5.2.4. Nisbah Jurang Pendapatan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.²⁸

(1) Nisbah jurang pendapatan sebelum agihan zakat.

$$I_a = 54.20\%.$$

(2) Nisbah jurang pendapatan selepas agihan zakat.

$$I_b = 43.65\%.$$

Nisbah jurang pendapatan sebelum agihan zakat ialah 54.20%. Ini bermakna bagi 181 isi rumah miskin masih memerlukan sebanyak 54.20% pendapatan bagi mengeluarkan mereka dari paras kemiskinan. Manakala nisbah jurang pendapatan selepas agihan zakat ialah 43.65%. Ini bermakna bagi 167 isi rumah miskin masih memerlukan sebanyak 43.65% pendapatan bagi mengeluarkan mereka dari paras kemiskinan.

Hasil kajian mendapati nilai bagi nisbah jurang pendapatan selepas agihan zakat semakin berkurangan daripada 54.20% kepada 43.65%. Nilai pengurangan sebanyak 19.46% telah berjaya dihasilkan selepas agihan zakat MAINS terhadap asnaf fakir miskin. Keadaan ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dilaksanakan oleh pihak MAINS berkesan untuk mengurangkan nisbah jurang pendapatan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

Kesemua indeks kemiskinan yang dibuktikan dalam kajian ini menunjukkan berlaku pengurangan terhadap jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah

²⁸ Sila rujuk Bab 3 (3.3.5. Nisbah Jurang Pendapatan)

jurang pendapatan selari dengan penurunan kadar kemiskinan. Meskipun hasil kajian ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang diberikan oleh MAINS mempunyai kesan positif di kalangan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan namun pengurangan indeks tersebut didapati masih kecil. Justeru kumpulan sasaran yang wajar diberi perhatian bagi meningkatkan kesan agihan zakat ialah penerima bantuan zakat dalam jangka masa antara 1-5 tahun. Ini kerana kajian mendapati majoriti responden MAINS selama 1-2 tahun (36.1%) diikuti 3-5 tahun (29.6%) dan kurang setahun (23%). Manakala penerima bantuan zakat selama 6-10 tahun (8.7%) dan 11 tahun ke atas (2.6%). Dijangkakan jurang kemiskinan dan purata jurang kemiskinan semakin berkurangan sekiranya kumpulan sasar diberi bantuan sekurang-kurangnya untuk tempoh selama 5 tahun.

Selanjutnya keberkesanan agihan terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan dianalisis dengan menilai secara perbandingan agihan pendapatan sebelum dan selepas agihan zakat, nilai Pekali Gini dan ditunjukkan melalui Keluk Lorenz.

5.3. Analisis Keberkesanan Agihan Zakat Terhadap Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan.

5.3.1. Perbandingan Kumpulan Pendapatan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.

Kumpulan pendapatan diagihkan mengikut pembahagian kumpulan pendapatan RM0-RM429, RM430-RM720, RM721-RM1010 dan RM1011 ke atas. Jadual 5.16 menerangkan perbandingan kumpulan pendapatan sebelum dan selepas agihan zakat.

Jadual 5.16: Analisis Perbandingan Kumpulan Pendapatan Sebelum Dan Selepas
Agihan Zakat

Kumpulan Pendapatan	Sebelum Agihan Zakat (a)		Selepas Agihan Zakat (b)		Perbezaan (%) [(b-a) / (a)] x 100
	Bil.	%	Bil.	%	
RM 0-RM 429	126	54.8	95	41.3	-24.60
RM 430- RM 720	55	23.9	72	31.3	30.91
RM 721- RM 1010	22	9.6	30	13	36.36
RM 1011 Ke Atas	27	11.7	33	14.3	22.22


Sumber: Borang soal selidik

Merujuk kepada jadual 5.16, kajian ini mendapati responden yang berada di dalam kumpulan pendapatan RM0-RM429 adalah merupakan kumpulan majoriti iaitu 54.8% berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain RM430-RM720 (23.9%), diikuti RM1011 ke atas (11.7%) dan RM721-RM1010 (9.6%). Namun begitu, kajian ini mendapati selepas agihan zakat kumpulan pendapatan RM0-RM429 meskipun masih mendahului berbanding kumpulan pendapatan lain tetapi telah menunjukkan penurunan kepada 41.3%. Prinsip dalam ekonomi menyatakan pendapatan meningkat menunjukkan taraf hidup semakin meningkat²⁹ dan kajian ini menyokong teori tersebut.

Daripada trend penurunan ini telah meningkatkan peratusan 3 kumpulan pendapatan yang lain iaitu RM430-RM720 (31.3%), RM1011 ke atas (14.3%) diikuti kumpulan pendapatan terendah RM721-RM1010 (13%). Bagi mendapatkan perbandingan dengan setiap kumpulan, sila rujuk rajah 5.2 perbandingan yang berikut.

²⁹ Jamal Ali et.al (2006), *Prinsip Ekonomi*, Sintok:Penerbit Universiti Utara Malaysia, h.267.

Rajah 5.2: Perbandingan Mengikut Kumpulan Pendapatan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.



Sumber: Borang soal selidik

5.3.2. Agihan Pendapatan Isi Rumah Sebelum Agihan Zakat.

Untuk mengukur agihan pendapatan isi rumah sebelum agihan zakat, kita perlu membahagikan mereka kepada sepuluh kumpulan. Jumlah ahli dalam setiap kumpulan adalah sama iaitu seramai 23 orang. Dalam kajian ini terdapat sepuluh kumpulan masing-masing mempunyai ahlinya seramai 23 orang. Setiap kumpulan dianggap sebagai satu unit dan pendapatan setiap isi rumah dijumlahkan untuk mewakili pendapatan yang diterima dalam kumpulan berkenaan. Seterusnya jumlah pendapatan setiap kumpulan dibahagikan dengan jumlah pendapatan keseluruhan isi rumah untuk mengetahui bahagian yang diterima oleh kumpulan masing-masing. Data tersebut diberikan dalam bentuk jadual 5.17.

Jadual 5.17: Agihan Pendapatan Isi Rumah Sebelum Agihan Zakat

Kumpulan Isi Rumah	Bahagian Pendapatan (%)
10 peratus terbawah	0.59
10 peratus ke-2 dari bawah	3.01
10 peratus ke-3 dari bawah	4.45
10 peratus ke-4 dari bawah	5.94
10 peratus ke-5 dari bawah	6.92
10 peratus ke-6 dari bawah	8.60
10 peratus ke-7 dari bawah	10.63
10 peratus ke-8 dari bawah	13.06
10 peratus ke-9 dari bawah	17.92
10 peratus teratas	28.96

Sumber : Borang soal selidik

Agihan pendapatan antara isi rumah adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.17. Kumpulan pertama yang mengandungi 10 peratus responden yang menerima pendapatan terendah iaitu hanya 0.59% daripada keseluruhan pendapatan responden. Kumpulan seterusnya dari 10 peratus responden kedua hingga ke sepuluh masing-masing menerima pendapatan lebih sedikit daripada yang pertama iaitu 3.01, 4.45, 5.94, 6.92, 8.60, 10.63, 13.06, 17.92 dan 28.96 peratus menurut susunannya. Trend agihan pendapatan isi rumah sebelum agihan zakat seperti jadual di atas menunjukkan saiznya masih tidak setara.

Pada jadual 5.18, data hampir sama dengan jadual di atas hanya memerlukan dua penambahan lajur iaitu (1) peratusan isi rumah terkumpul dan (2) peratusan pendapatan terkumpul. Untuk mencari peratusan isi rumah terkumpul, kumpulan 10% terbawah peratus terkumpul adalah sama dengan peratus isi rumah kerana tiada kategori isi rumah sebelum daripadanya.

Selanjutnya bagi kumpulan kedua dari bawah peratus isi rumah terkumpul diperolehi dengan mencampurkan 10% golongan terdahulu daripadanya dengan menjadikannya 20%. Begitulah seterusnya hingga kumpulan ke 10% ke 10 dari bawah. Lajur keempat pula diperolehi dengan mencari peratus terkumpul bahagian pendapatan yang diterima oleh kumpulan isi rumah tersebut.

Bagi kumpulan 10% terbawah, peratus pendapatan terkumpul adalah sama dengan peratus bahagian pendapatan yang diterima oleh isi rumah berkenaan kerana tiada kumpulan yang terdahulu daripadanya. Bagi kumpulan 10% ke dua dari bawah, peratus pendapatan terkumpul ialah hasil tambah bahagian kumpulan yang terdahulu dengan bahagian yang diterima oleh kumpulan berkenaan, iaitu $0.59 + 3.01 = 3.60$. Begitulah seterusnya bagi kumpulan berikutnya, peratus terkumpul pendapatan diperolehi dengan cara yang sama. Jadual 5.18 menunjukkan peratusan pendapatan terkumpul bagi responden sebelum agihan zakat diterima oleh mereka.

Jadual 5.18: Peratusan Pendapatan Berkumpul Sebelum Agihan Zakat

Golongan Isi Rumah	Bahagian Pendapatan (%)	Peratusan Isi Rumah Berkumpul	Peratusan Pendapatan Berkumpul
10 peratus terbawah	0.59	10	0.59
10 peratus ke-2 dari bawah	3.01	20	3.60
10 peratus ke-3 dari bawah	4.45	30	8.05
10 peratus ke-4 dari bawah	5.94	40	13.99
10 peratus ke-5 dari bawah	6.92	50	20.91
10 peratus ke-6 dari bawah	8.60	60	29.51
10 peratus ke-7 dari bawah	10.63	70	40.14
10 peratus ke-8 dari bawah	13.06	80	53.20
10 peratus ke-9 dari bawah	17.92	90	71.12
10 peratus teratas	28.96	100	100

Sumber: Borang soal selidik

5.3.3. Agihan Pendapatan Isi Rumah Selepas Agihan Zakat.

Kaedah pengiraan agihan pendapatan isi rumah selepas agihan zakat sama seperti yang diterangkan pada bahagian 5.3.2 (Agihan Pendapatan Isi Rumah Sebelum Agihan Zakat). Jadual 5.19 menunjukkan agihan pendapatan isi rumah selepas agihan zakat.

Jadual 5.19: Agihan Pendapatan Isi Rumah Selepas Agihan Zakat.

Golongan Isi Rumah	Bahagian pendapatan (%)
10 peratus terbawah	2.21
10 peratus ke-2 dari bawah	4.28
10 peratus ke-3 dari bawah	5.60
10 peratus ke-4 dari bawah	6.70
10 peratus ke-5 dari bawah	7.55
10 peratus ke-6 dari bawah	8.95
10 peratus ke-7 dari bawah	10.44
10 peratus ke-8 dari bawah	12.66
10 peratus ke-9 dari bawah	16.17
10 peratus teratas	25.25

Sumber: Borang soal selidik

Agihan pendapatan responden selepas menerima bantuan zakat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas. Kumpulan pertama yang mengandungi 10 peratus responden yang menerima agihan pendapatan terendah iaitu hanya 2.21% daripada keseluruhan pendapatan responden. Kumpulan seterusnya dari 10 peratus responden kedua hingga ke sepuluh masing-masing menerima pendapatan lebih sedikit daripada yang pertama iaitu 4.28%, 5.60%, 6.70%, 7.55%, 8.95%, 10.44%, 12.66%, 16.17% dan 25.25% menurut susunannya. Selanjutnya jadual 5.20 menunjukkan peratusan pendapatan terkumpul isi rumah selepas agihan zakat.

Jadual 5.20 : Peratusan Pendapatan Berkumpul Isi Rumah Selepas Agihan Zakat.

Golongan Isi Rumah	Bahagian Pendapatan (%)	Peratusan Isi Rumah Berkumpul	Peratusan Pendapatan Berkumpul
10 peratus terbawah	2.21	10	2.21
10 peratus ke-2 dari bawah	4.28	20	6.49
10 peratus ke-3 dari bawah	5.60	30	12.09
10 peratus ke-4 dari bawah	6.70	40	18.79
10 peratus ke-5 dari bawah	7.55	50	26.34
10 peratus ke-6 dari bawah	8.95	60	35.29
10 peratus ke-7 dari bawah	10.44	70	45.73
10 peratus ke-8 dari bawah	12.66	80	58.39
10 peratus ke-9 dari bawah	16.17	90	74.56
10 peratus teratas	25.25	100	100

Sumber: Borang soal selidik

Kaedah pengiraan untuk mendapatkan peratusan isi rumah berkumpul dan peratusan pendapatan berkumpul adalah sama seperti yang telah diuraikan pada jadual agihan pendapatan sebelum agihan zakat. Jadual 5.20 menunjukkan peratusan isi rumah berkumpul bagi golongan isi rumah 10% terbawah ialah 2.21%. Seterusnya peratusan pendapatan berkumpul bagi golongan isi rumah berkumpul mengikut susunan ialah

6.49%, 12.09%, 18.79%, 26.34%, 35.29%, 45.73%, 58.39%, 74.56% dan diakhiri dengan 100%.

5.3.4. Pekali Gini.³⁰

Ketidakseimbangan agihan pendapatan dengan menggunakan pengiraan pekali Gini ditunjukkan melalui jadual 5.21.

Jadual 5.21: Pekali Gini Sebelum Agihan Zakat

Frekuensi terkumpul Kadar (X)	Pendapatan terkumpul kadar (Y)
0.1	0.0590
0.2	0.0360
0.3	0.0805
0.4	0.1399
0.5	0.2091
0.6	0.2951
0.7	0.4014
0.8	0.5320
0.9	0.7112
1.00	1.00
$X_i Y_i + 1$	$Y_i X_i + 1$
$0.1 \times 0.0360 = 0.0036$	$0.2 \times 0.0590 = 0.0118$
$0.2 \times 0.0805 = 0.0161$	$0.3 \times 0.0336 = 0.0101$
$0.3 \times 0.01399 = 0.0419$	$0.4 \times 0.0805 = 0.0322$
$0.4 \times 0.2091 = 0.08364$	$0.5 \times 0.1399 = 0.06995$
$0.5 \times 0.2951 = 0.14755$	$0.6 \times 0.2091 = 0.12546$
$0.6 \times 0.4014 = 0.24084$	$0.7 \times 0.2951 = 0.2066$
$0.7 \times 0.532 = 0.3724$	$0.8 \times 0.4014 = 0.3212$
$0.8 \times 0.7112 = 0.5689$	$0.9 \times 0.5320 = 0.4788$
$0.9 \times 1 = 0.9$	$1 \times 0.7112 = 0.7112$
$= 2.3748$	$= 1.9673$
$= 2.3748 - 1.9673$	

$$G_a = 0.4075$$

³⁰ Sila rujuk Bab 3 (3.3.6 Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan).

Selanjutnya, pengkaji membuat pengiraan nilai pekali Gini selepas responden menerima agihan zakat. Sila rujuk jadual 5.21 pekali Gini selepas agihan zakat di halaman sebelah.

Jadual 5.22: Pekali Gini Selepas Agihan Zakat.

Frekuensi terkumpul kadar X	Pendapatan terkumpul kadar Y
0.1	0.0221
0.2	0.0649
0.3	0.1209
0.4	0.1879
0.5	0.2634
0.6	0.3529
0.7	0.4573
0.8	0.5839
0.9	0.7456
1.00	1.00
$X_i Y_i + 1$	$Y_i X_i + 1$
$0.1 \times 0.0649 = 0.0065$	$0.2 \times 0.0221 = 0.0042$
$0.2 \times 0.1209 = 0.0242$	$0.3 \times 0.0649 = 0.0195$
$0.3 \times 0.1879 = 0.0564$	$0.4 \times 0.1209 = 0.0484$
$0.4 \times 0.2634 = 0.1054$	$0.5 \times 0.1879 = 0.0939$
$0.5 \times 0.3529 = 0.1765$	$0.6 \times 0.2634 = 0.1580$
$0.6 \times 0.4573 = 0.2744$	$0.7 \times 0.3529 = 0.2470$
$0.7 \times 0.5839 = 0.4087$	$0.8 \times 0.4573 = 0.3658$
$0.8 \times 0.7456 = 0.5965$	$0.9 \times 0.5839 = 0.5255$
$0.9 \times 1 = 0.9$	$1 \times 0.7456 = 0.7456$
$= 2.5486$	$= 2.2124$
$= 2.5486 - 2.2124$	

$$G_b = 0.3362$$

Merujuk kepada pengiraan pekali Gini seperti yang ditunjukkan jadual di atas, kajian ini mendapati nilai pekali Gini selepas agihan zakat diberikan kepada responden ialah 0.3362. Bagi melihat dengan lebih jelas perbandingan nilai pekali Gini terhadap

agihan pendapatan responden sebelum dan selepas agihan zakat, sila rujuk jadual 5.23 di halaman berikut.

Jadual 5.23: Perbandingan Nilai Pekali Gini Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.

G_a	G_b	Indeks pengurangan	Hasil Kajian
0.4075	0.3362	0.0713	Nilai $G_a > G_b$

Sumber: Borang soal selidik


Merujuk kepada jadual 5.23 di atas, nilai Pekali Gini sebelum agihan zakat ialah 0.4075. Namun begitu nilai Pekali Gini selepas agihan zakat yang diterima oleh responden pula ialah 0.3362. Hasil kajian mendapati nilai Pekali Gini sebelum agihan zakat lebih besar berbanding dengan nilai pekali Gini selepas agihan zakat dan indeksinya berkurangan sebanyak 0.0713. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAINS berkesan dalam mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan.

5.3.5. Keluk Lorenz.

Bagi menganalisis perbandingan dua situasi ketidakseimbangan agihan pendapatan antara sebelum dan selepas agihan zakat boleh dilihat melalui Keluk Lorenz.³¹ Keluk Lorenz digambarkan dengan menggunakan perisian Microsoft Office Excel. Rajah 5.3. di halaman berikut menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan responden sebelum agihan zakat dengan menggunakan Keluk Lorenz.

³¹ Sila rujuk Bab 3 (3.3.7. Keluk Lorenz).

Rajah 5.3: Keluk Lorenz Menunjukkan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan
Responden Sebelum Agihan Zakat.




Berdasarkan rajah 5.3. di atas penjelasan mengenai 20% isi rumah terendah, 50% isi rumah menengah dan 20% isi rumah tertinggi adalah seperti berikut:

A: 20% isi rumah yang terendah menerima hanya 3.60% daripada keseluruhan jumlah pendapatan.

B: 50% isi rumah menengah menerima hanya 20.91% daripada keseluruhan jumlah pendapatan.

C: 20% isi rumah tertinggi menerima 53.20% daripada keseluruhan jumlah pendapatan.

Rajah 5.4: Keluk Lorenz Menunjukkan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan Selepas Agihan Zakat.



Berdasarkan rajah 5.4 di atas, penjelasan mengenai 20% isi rumah terendah, 50% isi rumah menengah dan 20% isi rumah tertinggi adalah seperti berikut:


A: 20% isi rumah yang terendah menerima hanya 6.49% daripada keseluruhan jumlah pendapatan.

B: 50% isi rumah menengah menerima hanya 26.34% daripada keseluruhan jumlah pendapatan.

C: 20% isi rumah tertinggi menerima 58.39% daripada jumlah keseluruhan pendapatan.

Selanjutnya kedua-dua keluk agihan pendapatan responden sebelum dan selepas menerima zakat digabungkan seperti yang ditunjukkan melalui rajah 5.5.

Rajah 5.5: Keluk Lorenz Menunjukkan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan Sebelum Dan Selepas Agihan Zakat.



Rajah 5.5 menunjukkan Keluk Lorenz yang dilukis dengan tiga garisan, iaitu (1) garis berwarna biru mewakili garisan seimbang di mana ianya digambarkan sebagai suatu keadaan agihan pendapatan yang seimbang. (2) garis berwarna merah adalah Keluk Lorenz yang mewakili agihan pendapatan responden selepas agihan zakat, dan

(3) garisan berwarna hijau adalah Keluk Lorenz yang mewakili agihan pendapatan responden sebelum menerima agihan zakat. Sekiranya luas antara garisan agihan pendapatan seimbang dengan Keluk Lorenz menjadi lebih kecil atau semakin menghampiri garisan seimbang, ianya menunjukkan berlaku perubahan agihan pendapatan yang lebih seimbang selepas responden menerima zakat berbanding sebelumnya. Disebaliknya, jika Keluk Lorenz semakin luas dan jauh daripada garisan seimbang, ia membawa maksud berlaku jurang agihan pendapatan di kalangan responden adalah sangat tidak seimbang. Berdasarkan rajah 5.5, kajian ini mendapati terdapat perubahan Keluk Lorenz yang berwarna merah semakin menghampiri garisan seimbang berbanding agihan pendapatan sebelum agihan zakat. Perubahan keluk ini menunjukkan bahawa agihan pendapatan responden selepas menerima agihan zakat semakin seimbang.

Berdasarkan jadual agihan pendapatan, kita dapat mengenalpasti kumpulan manakah yang mendapat manfaat agihan pendapatan terendah, sederhana dan tinggi. Sebagai contoh, daripada analisis perbandingan agihan pendapatan sebelum agihan zakat bagi 10% isi rumah yang terendah mendapat manfaat hanya 0.59% dari pendapatan terkumpul, namun selepas agihan zakat peratusnya bertambah baik (2.21%). Ia merupakan perubahan yang positif. Keadaan ini juga mencerminkan bahawa agihan zakat di Negeri Sembilan telah mengubah corak agihan pendapatan yang lebih seimbang terhadap pendapatan asnaf fakir miskin. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Patmawati Ibrahim³² dan Fuadah Johari³³ yang merumuskan pendapatan responden bagi golongan fakir miskin lebih seimbang selepas agihan zakat diberikan kepada mereka. Ini kerana agihan pendapatan yang seimbang membawa

³² Patmawati Ibrahim (2005, 2008), *op.cit.*,

³³ Fuadah Johari (2003) *op.cit.*,

implikasi ke atas tingkat tabungan, pelaburan, pertumbuhan dan darjah keupayaan untuk menikmati segala peluang sosial dan ekonomi yang sedia ada.³⁴

Implikasi daripada kesan agihan zakat ini sekurang-kurangnya memberi pilihan kepada KIR untuk mengatur perbelanjaan ahli isi rumah mengikut keutamaannya sebagai contoh perbelanjaan persekolahan anak-anak, membeli ubat, dan makanan. Jika latar belakang sosioekonomi seperti ini berterusan bagi tempoh yang panjang, dijangka masalah kemiskinan dapat dikurangkan dengan lebih berkesan. Justeru, MAINS perlu meningkatkan agihan zakat terutama bagi kumpulan yang terendah dengan mengenal pasti peluang-peluang untuk mengeluarkan mereka dari kancah kemiskinan khususnya kepada perbelanjaan pendidikan anak-anak.

Lanjutan daripada penemuan ini, agihan zakat MAINS perlu menumpukan khususnya kepada kumpulan 10% isi rumah yang terbawah kerana mereka juga dikenali sebagai miskin tegar atau miskin melarat yang sangat sukar menjalani kehidupan akibat masalah pendapatan. Andainya langkah ini berjaya dilaksanakan maka kesan agihan zakat dari aspek agihan pendapatan akan semakin bertambah baik, sekurang-kurangnya pendapatan terkumpul bagi kumpulan 10% terbawah akan semakin seimbang dengan lebih baik.

Mengenai corak kumpulan pendapatan pula, hasil kajian ini mendapati selepas agihan zakat bagi kumpulan berpendapatan melepasi PGK iaitu RM721-RM1010 dan RM1011 ke atas meskipun mengalami kenaikan tetapi ianya suatu kenaikan yang agak minimum iaitu di sekitar antara 2-3% sahaja. Data ini menggambarkan bahawa mereka

³⁴ Poo Bee Tin dan Rahmah Ismail (2009), "Agihan Pendapatan dan Kemiskinan", dalam Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof (penyunting), *op.cit*, h.115.

memerlukan momentum dana zakat yang jauh lebih baik untuk melepasi tahap PGK. Andainya tidak diberi perhatian terhadap kumpulan tersebut, dibimbangi dana zakat tidak berupaya melonjakkan pendapatan mereka apatahlagi sekiranya berlaku kegawatan ekonomi, inflasi, kenaikan harga dan sara hidup yang semakin meningkat. Fenomena sebegini memerlukan sistem agihan yang lebih progresif dan berupaya melonjakkan supaya kumpulan yang benar-benar melepasi PGK dapat ditingkatkan daripada 3% kepada 10% bagi mengoptimumkan agihan pendapatan mereka.

Meskipun pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan dijangka meningkat namun menurut Chamhuri Siwar (2006), prestasi pertumbuhan ekonomi lebih cenderung melebarkan jurang pendapatan antara golongan kaya-miskin, dengan kata lain ia tidak boleh mengurangkan masalah kemiskinan relatif.³⁵ Dalam konteks ini, bagi memastikan agihan pendapatan lebih seimbang dan dinikmati oleh semua golongan secara relatif, agihan zakat sewajarnya perlu mengesan golongan yang dianggap berisiko tinggi dan memerlukan skim bantuan lain agar keperluan dan pendapatan mereka mampu melepasi tahap PGK seterusnya terkeluar dari garis kemiskinan.

Hasil kajian membuktikan sebelum agihan zakat, nilai pekali Gini ialah 0.42 iaitu tingkat agihan pendapatan sederhana. Namun begitu selepas agihan zakat nilainya semakin menurun kepada 0.34. Penurunan nilai pekali Gini sebanyak 0.08 hasil agihan zakat mencerminkan bahawa agihan zakat berkesan dalam mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan responden. Ini bermakna keberkesanan pencapaian agihan zakat lebih berkesan bagi merapatkan jurang agihan berbanding sebelum agihan zakat.

³⁵ Chamhuri Siwar dan Norshamliza Chamhuri (2006), “Dasar, Strategi dan Program Pembasmian Kemiskinan” dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib (penyunting), *op.cit.*, h.165.

Namun begitu, apa yang membimbangkan ialah sekiranya berlaku perubahan PGK yang berasaskan kemiskinan mutlak, bermakna kadar kemiskinan dan nilai pekali Gini juga akan mengalami peningkatan. Ini disebabkan bilangan golongan sasaran miskin akan diperluaskan mengikut ukuran PGK yang baharu. Hakikat tersebut telah dinyatakan oleh kajian Nor Aini Idris (2006) yang mencerminkan situasi berkenaan dengan mengaitkan kadar kemiskinan, agihan pendapatan dan nilai pekali Gini akan berubah mengikut keadaan semasa.³⁶ Oleh yang demikian, Pekali Gini menjadi petunjuk terhadap keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dan menilai sejauhmana dasar agihan zakat oleh MAINS benar-benar mengikut misi dan visinya dalam membangunkan ummah di Negeri Sembilan.

Kelok Lorenz digunakan untuk mengukur sejauh manakah jurang agihan pendapatan berlaku di kalangan isi rumah miskin. Kajian ini mendapati selepas responden menerima agihan zakat, Kelok Lorenz semakin mengecil dan menghampiri garisan seimbang berbanding kelok Lorenz sebelum agihan zakat. Dalam perpektif agihan zakat ia mencerminkan kesan yang positif kerana berjaya mengagihkan pendapatan terkumpul kepada keseluruhan isi rumah dan mengurangkan jurang agihan pendapatan.

Keadaan tersebut disumbangkan oleh faktor peningkatan pendapatan yang diperolehi oleh asnaf semakin bertambah baik hasil daripada pelbagai skim yang

³⁶ Kajian kemiskinan di Malaysia melibatkan indeks dan pencapaian yang berbeza contohnya kadar kemiskinan menurun, tetapi corak agihan pendapatan ada turun naik, nilai Pekali Gini juga tidak pernah turun jauh lebih rendah dari 0.41. Sila rujuk Nor Aini Idris (2006), "Isu dan Masalah Kemiskinan di Malaysia" dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib (penyunting), *op.cit.*, hh.135-136.

diagihkan untuk golongan terbabit. Majoriti responden menerima bantuan kewangan bulanan yang dikreditkan ke akaun mereka 2 atau 3 bulan sekali.

Selain itu, melalui keluk ini kita akan dapat melihat corak agihan pendapatan melalui perbandingan pada 2 tahap yang berbeza iaitu sebelum dan selepas agihan zakat. Kajian ini mendapati kumpulan pendapatan RM0-RM429 atau dikenali sebagai fakir miskin tegar meskipun mendapat manfaat namun ianya masih terlalu kecil berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain. Hakikat bahawa zakat memberi kesan atas agihan pendapatan yang lebih seimbang sememangnya telah terbukti, namun kelompangan yang wujud kerana tidak melihat jurang agihan pendapatan akan menjadikan agihan zakat kurang memberi impak yang maksimum. Justeru, kajian ini telah mengukur corak agihan pendapatan dengan melihat sejauhmana kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan.

Berdasarkan perbincangan di atas, hasil kajian ini mendapati misi Baitul Mal MAINS untuk menjana pembangunan ekonomi ummah khususnya melibatkan agihan zakat kepada asnaf fakir miskin menghasilkan kesan yang positif. Dapatan kajian ini mendatangkan bukti-bukti empirikal bahawa agihan zakat telah mengurangkan kadar kemiskinan daripada 78.70% kepada 72.61%. Pada masa yang sama kemiskinan tegar telah dikurangkan 54.78% menyusut kepada 41.30%. Manakala corak agihan pendapatan pula didapati lebih seimbang berbanding sebelum agihan zakat dengan menggunakan nilai Pekali Gini dan Keluk Lorenz.

5.4. Analisis Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Konteks Membasmi Kemiskinan Menurut Perspektif *Maqāṣid Syarīah*.

Analisis kesan agihan zakat melalui kaedah kuantitatif mendapati agihan zakat telah menyumbang kepada pengurangan indeks kemiskinan terhadap asnaf fakir dan miskin. Ini bermakna selepas asnaf fakir dan miskin menerima agihan zakat, kemiskinan di kalangan mereka dapat diperbaiki dari aspek agihan pendapatan. Meskipun kesan agihan zakat bagi kedua-dua asnaf ini kecil namun sumbangannya dalam membasmi kemiskinan tidak boleh dipertikaikan. Di dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis kesan agihan zakat dari perspektif *maqāṣid syarīah* dengan menumpukan terhadap persoalan mengapa kemiskinan masih berlaku meskipun agihan zakat telah dilaksanakan oleh pihak MAINS. Analisis ini memberi pemahaman yang lebih jelas di sebalik permasalahan berikut:

1. Kadar kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin masih tinggi iaitu 72.61% walaupun asnaf telah menerima agihan zakat.
2. Dapatan kajian mendapati persepsi responden sebanyak 73.9% yang mengatakan bantuan zakat tidak dapat menampung kos sara hidup mereka juga perlu diambilkira untuk penambahbaikan sistem agihan zakat dengan berkesan.
3. Sebanyak 76.5% responden menyatakan tiada lawatan, siasatan atau sesi ziarah oleh MAINS ke rumah mereka untuk melihat dan mengenalpasti keadaan sebenar ciri-ciri kemiskinan asnaf tidak diperhalusi secara tepat.

Analisis berikut akan merangkumkan permasalahan-permasalahan di atas kerana konsep dan pemahaman mengenai kemiskinan menurut perspektif Islam tidak berpaksikan kepada ciri-ciri kekurangan, ketidakcukupan dan ketidakmampuan aspek monetari semata-mata.³⁷ Satu kajian terperinci juga perlu dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor kemiskinan masih berlaku di kalangan asnaf fakir dan miskin supaya agihan zakat dapat memberi kesan yang optimum.

5.4.1. Kewajipan Mengeluarkan Zakat Sebagai Ibadat Dan Tanggungjawab Terhadap Allah SWT.

Hakikat sebenar dan paling utama yang perlu difahami dengan jelas mengapa umat Islam difardukan mengeluarkan zakat ialah sebagai manifestasi ketaatan dan kepatuhan terhadap perintah Allah SWT. Ibadat zakat sama seperti kewajipan lain seperti mendirikan solat, berpuasa dan menunaikan haji kerana ia merupakan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan. Perlu difahami dengan benar dan tepat bahawa membayar zakat bukan kerana mendapat imbuhan, rebat, hadiah, pangkat atau pingat anugerah semata-mata tetapi kefahaman ini berdasarkan hakikat bahawa kewajipan zakat adalah syariat untuk kebaikan manusia sendiri. Allah SWT telah mengingatkan kepada kita tentang kebaikan menafkahkan harta dalam firmanNya:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ

فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Surah Ali-Imran (3):92

³⁷ Sila rujuk kekayaan dan kemiskinan menurut pandangan Islam sebagaimana telah dibincangkan pada Bab 1,2 dan 3.

Maksudnya: Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Tujuan beribadat dari aspek kehartaan adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ
يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٣٨﴾

Surah ar-Rūm (30):38

Maksudnya: Maka berikanlah kepada kerabat yang terdekat akan haknya, demikian (pula) kepada fakir miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan. Itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang mencari keredhaan Allah; dan mereka itulah orang-orang beruntung.

Meskipun kemiskinan dihapuskan secara total, sehingga tiada lagi asnaf fakir miskin yang layak menerima agihan zakat, tetapi kewajipan menunaikan zakat tetap dilaksanakan. Ini kerana falsafah zakat adalah lambang kepatuhan, ketaatan, ketundukan diri manusia sebagai hamba Allah SWT yang bersedia untuk menerima kelayakan (ahliyyah) menanggung beban dan tanggungjawab ketika masih hidup. Walaupun kutipan zakat di Negeri Sembilan meningkat tetapi ia masih belum memadai untuk menampung agihan kepada lapan asnaf terutama kepada asnaf fakir dan miskin. Dalam konteks memenuhi keperluan *daruriyyat* keberkesanan agihan zakat memerlukan keyakinan iman dan jiwa setiap individu muslim untuk menunaikan zakat bagi

mendapatkan keredaan Allah SWT di samping mengharapakan pahala-Nya dan dapat menjauhi azab siksaan-Nya. Natijahnya kutipan dana zakat dengan jumlah yang besar akan memberi impak menerusi skim-skim dan program membasmi kemiskinan.

5.4.2. Kepentingan Monetari Tanpa Mengabaikan Kepentingan Non Monetari.

Indeks-indeks kemiskinan dalam kajian ini menumpukan aspek monetari atau material sebagai fokus kajian kerana ianya banyak dibahaskan oleh sarjana dalam bidang ekonomi mahupun Islam. Aspek monetari atau pendapatan dan pengagihan merupakan salah satu Indeks Kualiti Hidup Malaysia. Umpamanya, menurut Chamhuri Siwar kemiskinan diukur menggunakan PGK yang didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan memenuhi keperluan minimum kemudahan hidup termasuk makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa.³⁸

Bukti lain yang menunjukkan monetari sebagai keperluan dan tumpuan utama sebagaimana dijelaskan oleh Suhaili Sarif dan Nor 'Azzah Kamri yang menukikan pandangan Habib Ahmad, Afzalur Rahman, Monzer Kahf dan al-Qardawi bahawa institusi zakat harus memenuhi keperluan seperti kemanusiaan, fizikal, modal kewangan dan mesti dilaksanakan secepat mungkin bagi memenuhi keperluan hidup dalam bentuk kemahiran. Zakat juga bertujuan untuk menseimbangkan agihan pendapatan agar penghapusan kemiskinan dapat direalisasikan.³⁹ Sebagai contoh bagi asnaf yang

³⁸ Lihat Chamhuri Siwar (2003), "Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Masalah, Prospek dan Cabaran" dalam Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar (penyunting) *op.cit.*, h.51.

³⁹ Bayu Taofiq Possumah dan Abd Ghafar Ismail, (2011), *The Quran and Poverty Alleviation: A Theoretical Model For Zakat Based Islamic Microfinance Institution*, Kertas Kerja Ekonomi dan Kewangan Islam <http://www.ekonis-ukm.my>, h.13, 12 Mac 2011.

produktif atau mempunyai potensi dan sihat maka institusi zakat perlu mengadakan program untuk meningkatkan pendapatan dan memajukan diri. Manakala bagi asnaf yang tidak produktif seperti tua, sakit atau cacat maka institusi zakat perlu memenuhi keperluan hidup mereka.⁴⁰

Aspek non monetari sama pentingnya dengan aspek manoteri untuk membasmi kemiskinan menurut pandangan Islam. Disebabkan itu Yūsuf al-Qardāwī dan Muhammad Syukri Salleh mendatangkan gagasan baru bahawa membasmi kemiskinan tidak boleh hanya menumpukan pada usaha lahiriah semata-mata tetapi memerlukan usaha ke arah untuk meningkatkan jiwa (kerohanian) golongan fakir miskin.⁴¹ Pada pandangan pengkaji sekiranya asnaf dapat ditarbiyahkan dari aspek pembangunan jiwa yang benar dan tepat sebagaimana yang disarankan oleh Islam maka kemiskinan akan dapat dibasmi dengan lebih berkesan.

5.4.3. Hakikat Kewujudan Dan Perbezaan Antara Golongan Kaya Dan Miskin.

Merujuk kepada profil responden pengkaji merumuskan bahawa kemiskinan masih berlaku di kalangan asnaf kerana dipengaruhi faktor geografi atau lokasi (Seremban), gender (wanita), status ibu tunggal, faktor taraf kesihatan (sakit, tua, uzur dan cacat), taraf pendidikan rendah.⁴² Walau apapun keputusan kajian profil tersebut, kewujudan dan perbezaan taraf hidup antara golongan kaya dan miskin perlu difahami dengan hakikat yang sebenar. Pada pandangan pengkaji perbezaan kewujudan antara golongan

⁴⁰ Lihat huraian lanjut Suhaili Sarif dan Nor ‘Azzah Kamri (2009), “A Theoretical Discussion Of Zakat For Income Generation And Its Fiqh Issues”, *Jurnal Syariah*, Jil.17, Bil.3.

⁴¹ Lihat Yūsuf al-Qardāwī (2001), *op.cit* dan Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*,

⁴² Sila rujuk 6.1. Profil responden pada bab ini.

kaya dan miskin ini menjadi sebab kepada objektif pensyariatkan zakat dalam konteks hubungan antara pembayar dan penerima.

Dalam hal hubungan pembayar-penerima zakat, zakat bertujuan untuk menseimbangkan agihan pendapatan agar penghapusan kemiskinan dapat direalisasikan.⁴³ Muhammad Syukri Salleh⁴⁴ menyatakan orang-orang kaya mengagihkan semula pendapatan mereka sebagai tanggungjawab sosial terhadap orang-orang miskin, manakala orang-orang miskin redha dengan ketentuan Allah SWT dan menerima peluang menambahkan pendapatan dengan menerima sumbangan orang-orang kaya tersebut. Asmak Ab Rahman turut menyatakan umat Islam perlu menzahirkan rasa persaudaraan dan saling sokong menyokong melalui mekanisme perkongsian harta kekayaan dengan orang lain. Selain zakat dan hibah, Asmak berpandangan bahawa wakaf perkongsian harta melalui amalan wakaf juga penting untuk membantu mencapai pembangunan ekonomi negara.⁴⁵ Orang-orang miskin pula redha dengan kedudukan mereka dan tidak berhasad dengki dengan orang-orang kaya kerana akur kepada pesanan Allah SWT. Golongan kaya menurut Muhammad Syukri Salleh lagi, memerlukan orang-orang miskin untuk melaksanakan tuntutan tanggungjawab sebagaimana kehendak Allah SWT, manakala orang-orang miskin pula, di samping memberi peluang kepada orang-orang kaya melaksanakan tanggungjawab tersebut, redho dan tidak beriri hati malah memerlukan orang-orang kaya untuk meringankan beban hidup mereka. Kedua golongan ini saling memerlukan. Apabila kedua-duanya menjalankan fungsi masing-masing, maka lahirlah keharmonian.

⁴³ Bayu Taofiq Possumah dan Abd Ghafar Ismail, (2011), *op.cit.*,

⁴⁴ Muhammad Syukri Salleh (2001), *Daripada Pendapatan Kepada Pendapatan, Apa Lagi?* <http://www.geocities.ws/muhammadsyukri/ZakatPendapatanIDMPPUZ.html> 10 Oktober 2009.

⁴⁵ Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1, h.114.

Berdasarkan kepada hakikat di atas maka pengkaji berpandangan bahawa pendapatan orang-orang kaya boleh mengalir menjadi pendapatan kepada asnaf-asnaf zakat, terutamanya asnaf fakir dan miskin. Secara ringkasnya, kewujudan dan perbezaan taraf antara golongan kaya dan miskin menjadikan kehidupan manusia saling membantu dalam usaha untuk membasmi kemiskinan berpandukan syaria Islam.

5.4.4. Keperluan Asas Manusia Berpandukan *Maqāsid Syarī'ah*.

Setiap amalan atau kewajipan yang telah ditentukan oleh Allah mempunyai matlamat. Ketentuan-Nya pula bukanlah semat-mata untuk membebaskan manusia tetapi adalah demi kebaikan agar kita dapat menjalani hidup sebagai dengan harmoni bersama semua peringkat dan golongan. Demikian juga ibadat zakat mempunyai matlamatnya dan kita sewajarnya melakukan segala usaha untuk mencapai matlamat ibadat ini. Apabila asnaf fakir dan miskin menjadi golongan yang layak mendapat zakat sudah tentu matlamatnya adalah supaya mereka terkeluar daripada belenggu kemiskinan. Kemiskinan pula bukan sekadar kemiskinan harta tetapi kemiskinan dari sudut jiwa atau rohani turut diberi keutamaan demi kemaslahatan dan itulah yang terkandung di dalam *maqāsid syarī'ah*.

Dalam hal demikian, tanggungjawab menjaga agama adalah kepentingan utama dari sudut *darūriyyat*. Pada pandangan pengkaji keyakinan dan kefahaman mengenai hakikat kekayaan dan kemiskinan akan menjaga agama daripada kesesatan, kekufuran atau natijah daripada perbuatan murtad. Sebagaimana Khalifah Abu Bakar al-Siddiq memerangi golongan al-Riddah atau golongan yang tidak membayar zakat supaya kepentingan agama dipertahankan. Sama ada mempertahankan agama secara kekerasan, kawalan pemerintah, pentarbiyahan individu mahupun sokongan institusi

Islam semuanya haruslah meletakkan kepentingan agama mendahului kepentingan lain. Ini bermakna agihan zakat bukan sekadar menyampaikan bantuan dari sudut kewangan atau bukan kewangan semata-mata, tetapi yang lebih utama ialah bertujuan menjaga keyakinan dan akidah umat Islam khususnya akidah asnaf fakir dan miskin yang hidup mencabar serta serba kekurangan.

5.4.5. Kesan Agihan Zakat Kepada Asnaf Yang Produktif Dan Tidak Produktif Mesti Jelas Dan Tepat.

Dalam sejarah Islam institusi baitulmal berperanan sebagai sebuah perbendaharaan negara yang melaksanakan dasar fiskal dan kewangan Islam.⁴⁶ Perancangan dan pelan tindakan bagi memastikan agihan zakat memberi impak sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya. Tanpa perancangan yang jelas maka sumber zakat yang telah dikutip akan menjadi sia-sia dan tidak berkesan untuk memenuhi keperluan asas dan mengeluarkan asnaf dari masalah kemiskinan. Nilai bantuan dengan keperluan semasa adalah sangat berkait dengan impak agihan zakat dan meningkatkan kualiti hidup melalui keperluan asas sebagai manusia.⁴⁷

Bagi asnaf yang produktif, sihat dan mempunyai potensi dari aspek pekerjaan yang mampu menghasilkan pendapatan maka bantuan dalam bentuk moral, motivasi, kefahaman dan tasawwur Islam agar dapat memahami hakikat agihan zakat. Golongan sebegini perlu diterapkan pemahaman yang benar dan tepat hakikat penerimaan zakat untuk melahirkan asnaf yang berjaya keluar dari senarai penerima zakat, menjadikan

⁴⁶ Lihat huraian lanjut tentang konsep, sejarah, kedudukan, peranan dan cabaran institusi baitulmal pada zaman awal Islam sehingga kini oleh Nik Mustapha Nik Hassan (Penyunting) (2003), *op.cit.*,

⁴⁷ Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor dan Sanep Ahmad (2005), Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya, *International Journal Management Studies* 12 (2), h.179
http://repo.uum.edu.my/732/1/Hairunnizam_Wahid.pdf 2 November 2009.

mereka sebagai penyumbang zakat atau tenaga yang produktif melalui sumber pendapatan yang boleh menampung keperluan asas mereka. Begitu juga adakalanya bantuan kewangan bulanan dianggap sebagai bayaran pindahan semata-mata dan disifatkan sebagai pendapatan tidak produktif. Soal kecukupan dan kepuasan hati menerima agihan zakat perlu diberi perhatian sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Ia perlu sampai pada satu tahap bagi meningkatkan kualiti hidup seseorang sama ada dari aspek luaran seperti pendapatan dan juga aspek dalaman iaitu kerohanian. Ini berkait dengan amaun bantuan zakat sangat signifikan dalam memperbaiki kualiti hidup fakir miskin.

Bagi asnaf yang tidak produktif sudah tentu memerlukan falsafah agihan yang berbeza, tidak sama seperti golongan yang masih produktif. Asnaf tidak produktif seperti cacat, tua, sakit dan OKU memerlukan agihan zakat sepanjang hayat mereka. Dalam kajian ini umpamanya penetapan kelayakan seseorang sebagai asnaf fakir dan miskin adalah berpandukan kepada pengukuran had kifayah. Tetapi tidak semua asnaf menerima jumlah bantuan zakat mengikut amaun yang diperlukan untuk melepasi PGK, apatahlagi untuk memenuhi keperluan asas. Hasil kajian mendapati kesan agihan zakat terhadap fakir miskin adakalanya mendatangkan impak yang sedikit, sekadar menambah jumlah bantuan dari aspek pendapatan tetapi golongan ini masih miskin. Akibatnya, golongan ini akan terus mengharap bantuan zakat sepanjang masa kerana mereka tidak mampu keluar daripada kemiskinan disebabkan faktor umur dan taraf kesihatan. Secara ringkas, golongan yang tidak produktif masih berhak dan layak untuk mendapat keperluan asas sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Islam.

5.4.6. Kepentingan Agihan Semula Kekayaan Bukan Bergantung Pada Zakat Semata-Mata.

Dalam kajian ini majoriti responden asnaf fakir miskin yang menerima zakat tiada mendapat bantuan selain daripada bantuan zakat MAINS sedangkan di dalam konsep negara Islam seperti mana zaman Rasulullah SAW sedekah merupakan sumber kewangan utama negara pada waktu itu.⁴⁸

Perbendaharaan negara menurut pandangan Islam mempunyai sistem ekonomi Islam yang diuruskan secara menyeluruh merangkumi sumber hasil negara yang wajib seperti zakat, al-fay', al-ghanimah, sumber harta yang sunat seperti sedekah dan sumber wajib ('*araḍi*') mendatang seperti wasiat, waqaf, faraid, qard al-hasan dan lain-lain. Berkenaan konsep agihan semula kekayaan dapat difahami dalam kajian seperti Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Muhammad Syukri Salleh dan Asmak Ab Rahman yang menyatakan bahawa selain sumber zakat, harta-harta lain perlu digembleng dan dibangunkan secara bersama bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati kekayaan sesebuah negara sama ada dalam bentuk wang mahupun barangan.⁴⁹ Penerokaan sumber harta-harta tersebut akan memberi sumbangan signifikan terhadap pembasmian kemiskinan dari aspek material, non-material dan jiwa. Kefahaman responden atau asnaf tentang bantuan zakat dan tidak bergantung semata-

⁴⁸ Perbincangan lanjut mengenai sedekah, kepentingan dan sumbangan harta sedekah dalam pembangunan umat Islam sila lihat Abdullah Alwi Hj. Hassan (2005), "Kepentingan dan Senario Penghayatan Sumbangan Harta al-Sadaqat Dalam Pembangunan Sosioekonomi Umat Kini", dalam Abdullah Alwi Hj. Hassan *op.cit.*,h.1-13. Lihat juga Hailani Muji Tahir (2004), *op.cit.*,h.3. Lihat juga Ruzian Markon (2003), "Penubuhan Baitulmal Kebangsaan: Suatu Keperluan Menurut Undang-Undang Kehartaan Islam di Malaysia", dalam Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (Penyunting) *op.cit.*,h.133.

⁴⁹ Huraian lanjut sila lihat penulisan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *op.cit.*, Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*, Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1.

mata kepadanya harus ditarbiah dengan sebaik-baiknya agar kemiskinan dapat dibasmi dengan lebih berkesan. Ini bermakna usaha membasmi kemiskinan tidak terletak pada sumber zakat semata-mata, kerana Hasanah Abd. Khafidz menyatakan kejayaan sistem agihan zakat bergantung kepada banyak faktor. Ia harus mempunyai dana yang besar, disokong dengan sistem lain dan mempunyai perancangan yang tersusun.⁵⁰ Dengan erti kata lain tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan perlu dipikul secara bersama oleh pihak kerajaan, institusi dan juga individu agar impaknya lebih jelas dan berkesan.

Kemiskinan menjadi permasalahan utama dalam pembangunan sesebuah negara maka kita tidak boleh lari daripada membicarakan berkenaan sistem institusi zakat di peringkat arus perdana. Para sarjana Islam sama ada di peringkat zaman awal Islam mahupun zaman kontemporari bersetuju bahawa zakat merupakan salah satu sistem samawi, bersumberkan wahyu dan menjadi dijadikan sebagai rukun Islam.⁵¹ Apabila menyebut tentang pentadbiran negara, maka ia berkait dengan sumber-sumber kewangan yang digunakan untuk perbelanjaan dan agihan. Ini telah dijelaskan oleh Abdullah Alwi Hj.Hassan, Hailani Muji Tahir dan Ruzian Markon berkenaan sumber pembendaharaan negara Islam pada zaman Rasulullah SAW. Contohnya, *al-ṣadaqat (sumbangan sukarela)* ialah sumber utama perbendaharaan negara pada zaman Rasulullah saw. menjadi ketua negara Islam. Selain sedekah, sumber-sumber lain dalam bentuk harta ialah zakat, kharaj dan jizyah turut menjadi sumber primer dalam institusi Baitulmal dalam menentukan kekuatan dasar fiskal. Terdapat dua jenis sedekah iaitu sedekah sunat dan sedekah wajib. Konsep zakat merupakan salah satu daripada jenis

⁵⁰ Hasanah Abd khafidz (2006), “Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia”, (Tesis Ph.D Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).h.100.

⁵¹ Huraian lanjut sila lihat pada Bab 2 Kerangka Teori dan Sorotan Kajian.

sedekah yang berbentuk wajib, sedangkan dalam Islam kita mempunyai sedekah berbentuk sunat (*ṣadaqat al-tatawwu'*).

Kemiskinan sudah wujud dari awal kehidupan manusia, begitu juga kemiskinan juga berlaku pada zaman Rasulullah SAW sehinggalah ke hari ini. Namun begitu pada zaman khalifah 'Umar Abdul Aziz, pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sehingga tiada lagi fakir miskin yang layak menerima zakat. Ini kerana kemakmuran dan kekayaan negara adalah melalui pelbagai sumber bukan bergantung kepada hasil zakat semata-mata tetapi kerana institusi Baitul Mal yang bertindak sebagai institusi utama sistem negara telah menjadikan pemerintahan Islam dengan menyeluruh atau ijtima'e. Selain itu rakyat di bawah pemerintahan 'Umar Abdul Aziz merasakan mereka sudah tidak perlu bantuan zakat kerana merasakan sudah cukup memadai hidup aman di bawah pemerintahan seorang Khalifah yang tinggi kerohaniannya terhadap Allah swt.⁵² Meskipun pada zaman beliau terdapat orang miskin tetapi hidup mereka terjamin sehingga merasakan tidak perlu lagi mengharapkan bantuan zakat kerana ketokohan Khalifah 'Umar Abdul Aziz dengan ketinggian sifat Tauhid kepada Allah SWT. Ini bukan bermakna pada zaman tersebut sudah tidak ada lagi asnaf zakat seperti mana utusan 'Umar Abdul Aziz bernama Yahya Ibn Said membeli dan memerdekakan hamba setelah tidak berjumpa lagi golongan miskin. kemiskinan material masih berlaku dan beliau sendiri masih hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan.⁵³

⁵² Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*, Lihat juga K.H Firdaus (1997) *Tokoh Kepimpinan dan Pejuang Keadilan Khalifah Umar bin Abdul Aziz*, Selangor: Pustaka Ilmi.

⁵³ Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*, Lihat juga Abul Hasan Nadwi (1987), *Sepuluh Tokoh Yang Mengubah Dunia*, Selangor: Pustaka Ilmi.

Justeru kejayaan dan keberkesanan institusi zakat menurut Yūsuf al-Qarḍawī bergantung kepada 2 faktor iaitu pengawasan yang dilakukan oleh pemerintah Islam dan kesedaran hati seseorang Muslim. Tambah beliau lagi jika sistem Islam telah dilaksanakan secara menyeluruh dan pengamalannya telah berakar umbi dalam hati masyarakat maka tidak akan didapati seorang pun yang layak menerima zakat.⁵⁴

Berdasarkan analisis kualitatif kesan agihan zakat menurut *maqāṣid syarīah* seperti yang dihuraikan, kajian ini merumuskan kemiskinan dalam Islam merangkumi kemiskinan dari aspek monetari dan non monetari. Aspek non monetari pula terbahagi kepada 2 iaitu luaran dan dalaman. Islam pada dasarnya tidak menolak kepentingan sumber pendapatan, hasil perkerjaan atau kebendaan kerana ia dapat memenuhi keperluan manusia seperti yang digariskan dalam Islam. ini kerana tanpa pendapatan bagaimana seseorang berupaya untuk memenuhi keperluan dasarnya dan meningkatkan kualiti hidup. Walau bagaimanapun, Islam tidak mengabaikan aspek non monetari sama ada bersifat luaran dan dalaman. Unsur kerohanian, penyucian jiwa, unsur keadilan, persaudaraan, qan'ah, bersyukur dan redha sewajarnya menjadi salah satu indeks untuk membasmi kemiskinan, selain daripada indeks kemiskinan yang digunapakai oleh ahli ekonomi. Kaedah membasmi kemiskinan dari kedua-dua aspek telah terbukti berkesan ketika pemerintahan Khalifah ‘Umar Abdul Aziz yang menjadikan sistem ekonomi Islam termasuklah agihan zakat sebagai agen untuk pembangunan ekonomi dan juga pembangunan insan.

⁵⁴ Ketidadaan penerima zakat yang layak ini berlaku dalam sejarah pemerintahan Khalifah ‘Umar Abdul Aziz kerana beliau telah berjaya melaksanakan sistem Islam dengan sepenuhnya, golongan miskin pula merasakan kecukupan dalam kehidupan harian dan khalifah sendiri mempunyai peribadi zuhud dan warak. Lihat Muhammad Syukri Salleh (2001), *op.cit.*,. Lihat juga Yusuf al-Qarḍāwī (2000), *op.cit.*, h. 164.

5.5. Kesimpulan.

Secara keseluruhannya analisis terhadap profil responden telah menjelaskan mengenai siapa dan bagaimana ciri-ciri asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan. Selanjutnya analisis empirikal kajian ini yang menggunakan indeks-indeks kemiskinan mendapati bahawa agihan zakat menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan sebanyak 7.72%, menurunkan jurang kemiskinan sebanyak 25.70%, mengurangkan purata jurang kemiskinan sebanyak 19.47% dan menurunkan nisbah jurang pendapatan sebanyak 19.46%. Manakala indeks agihan pendapatan menggunakan pekali Gini (*Gini coefficient*) berdasarkan Keluk Lorenz mendapati bahawa agihan zakat memberi kesan untuk memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Analisis agihan zakat menurut perspektif *maqāṣid syarīah* pula mendapati kemiskinan masih berlaku meskipun zakat diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin kerana aspek non monetari atau unsur kerohanian masih belum diberi perhatian sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Justeru, agihan zakat belum memberi kesan sepenuhnya terutama dari aspek membasmi kemiskinan. Seandainya sistem ekonomi Islam dapat dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya sebagai sebuah sistem yang lengkap, menyeluruh dan bersepadu, pada waktu yang sama sistem pengurusan agihan zakat dipertingkatkan dari masa ke semasa, maka pengkaji berpandangan masalah kemiskinan juga akan dapat diatasi dengan lebih cekap dan berkesan.